

"DARIPADA Abu Bakrah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Sesungguhnya zaman itu berputar semenjak mula-mula Allah menciptakan langit dan bumi, setahun mengandungi 12 bulan, daripadanya empat bulan haram, tiga daripadanya bulan itu berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijah dan Muharam dan satu bulan berasingan, iaitu Rejab di antara Jamadilakhir dan Syaaban".
(Hadis riwayat Imam Abu Daud).

KERJASAMA ASEAN-RUSIA MEMACU KEAMANAN, KESELAMATAN, KEMAKMURAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia yang berlangsung di Kazan Expo International Exhibition Centre. - Foto : Mohammad Hasif Matzin (Lihat muka 4)



Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dan Perdana Menteri United Kingdom, The Rt. Hon. Sir Keir Starmer.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dan Perdana Menteri United

Kingdom, The Rt. Hon. Sir Keir Starmer; ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan rakyat United Kingdom bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda King Charles III yang Ke-77 Tahun.

Berita Utama



MEMPERKUKUH pegangan agama, hayati semangat hijrah

Muka 11



SU Sukan adakan Majlis Khatam Al-Quran

Muka 13



PASTIKAN patuhi peraturan keselamatan, kesihatan di tempat kerja

Muka 20



RENCANA

GAYA hidup moden, cabaran makanan seimbang

Muka 28

Hijrah 1448 memperkukuh iman, memelihara keamanan, kesejahteraan negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyara'il Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

DENGAN niat suci semata-mata kerana Allah, marilah kita sama-sama merafakkan syukur kepada-Nya, yang telah mentakdirkan kita dipanjangkan umur untuk dapat menyambut dan meraikan lagi Tahun Baharu Hijrah.

Kita berharap dan malah berdoa semoga tahun baharu ini akan dapat diisi dengan usaha-usaha berkebaikan bagi diri sendiri dan keluarga serta bagi negara tercinta. Banyak perkara masih perlu dibuat sama ada dalam bidang mata benda mahupun dalam bidang rohani. Bidang mata benda meliputi ekonomi dan pembangunan fizikal sementara bidang rohani pula meliputi ilmu, pendidikan dan dakwah.

Semua ini menuntut kita untuk bekerja keras tanpa mengenal titik noktah. Ada pun tahun baharu hanyalah wadah untuk memperbaharui azam bukannya untuk kita baru hendak melangkah melakukan kerja.

Dalam era hari ini, banyak perkara jadi cabaran. Sama ada kita suka atau tidak, dunia kita kini adalah sedang berada dalam kancah peperangan. Dari peperangan tidak ada sebarang kebajikan yang dapat ditunggu, melainkan semuanya adalah penderitaan dan kesusahan belaka. Semua pihak termasuk kita tidak ada yang terkecuali dari turut menerima kesannya.

Bercakap mengenai cabaran alhamdulillah Brunei kita dapat sentiasa berkeadaan selamat tanpa mengalami sebarang bencana alam yang mengganggu kehidupan. Ini semua adalah berkat Brunei ditani dengan doa dengan zikir dan dengan Al-Quran.

Cuma satu perkara yang memerlukan perhatian bersama ialah, Brunei kadang-kadang terpalit dengan jenayah seperti jenayah dadah, jenayah curi dan lain-lain yang mengaibkan negara serta amat dibenci oleh agama.

Maka dalam perkara ini semua agensi khasnya yang berkenaan dengan keselamatan dan agama hendaklah bergerak pantas mendepani gejala ini. Khusus bagi pihak agama ialah memperkasa pendidikan agama dan bidang dakwah bagi tujuan menanam kesedaran membenci dadah dan lain-lain jenayah di kalangan masyarakat.

Pada hemat beta dalam senario seperti ini, kita orang Islam adalah dituntut



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Tahun Baharu Hijrah 1448 pada Selasa, 16 Jun 2026.

supaya jangan lupa membanyakkan doa perlindungan akan tetap berpihak kepada kita.
meminta selamat, meminta negara bersih daripada jenayah, insyaaAllah

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	4	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
21	AHAD	5	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
22	ISNIN	6	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
23	SELASA	7	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.50	6.35	7.51
24	RABU	8	4.36	4.46	6.10	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
25	KHAMIS	9	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
26	JUMAAT	10	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
30 25 °C	30 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

20 JUN 2026

Lindungi diri, keluarga daripada belenggu judi

KINI ramai yang mencari jalan singkat untuk mendapatkan wang, harta dan kekayaan tanpa berusaha, tanpa berpenat dan tanpa memikirkan soal halal atau haramnya. Antara jalan yang paling mudah namun sangat keji ialah judi. Walaupun ia kelihatan menyeronokkan dan menjanjikan keuntungan segera, hakikatnya ia adalah jalan pintas yang membawa kepada kehancuran hidup di dunia dan azab di akhirat.

Judi bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan manusia. Ia telah wujud sejak zaman-berzaman, mengheret ramai ke lembah kehancuran. Namun, dalam arus kemodenan hari ini, bentuknya semakin terselindung di sebalik nama hiburan dan permainan. Kadangkala ia tidak lagi kelihatan jelas sebagai judi, namun hakikatnya tetap membawa unsur yang sama seperti pertaruhan, ketidakpastian dan harapan kepada nasib semata-mata. Inilah bentuk perjudian moden yang lebih halus tetapi tetap membinasakan.

Sesungguhnya judi itu nampak mudah, menyeronokkan dan menjanjikan pulangan segera tetapi akhirnya membawa kepada penyesalan, ketagihan, hutang, pertengkar, keruntuhan rumah tangga dan hilangnya keberkatan dalam kehidupan.

Rezeki adalah antara perkara yang menjadi rahsia Allah Subhanahu Wata'ala. Tidak ada seorang pun di dunia ini yang mengetahui tentang rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya sesama ada banyak ataupun sedemikian. Namun, apa yang pasti ialah setiap makhluk yang hidup di atas muka bumi ini telah dijamin rezekinya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya sihat tubuh badan itu adalah rezeki, mempunyai keluarga yang bahagia itu juga rezeki, dikurniakan anak itu rezeki, mempunyai tempat untuk berteduh itu rezeki, dikelilingi oleh orang-orang yang baik itu juga merupakan satu rezeki.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Tahun Baharu Hijrah 1448, "Dalam era hari ini, banyak perkara jadi cabaran. Sama ada kita suka atau tidak, dunia kita kini adalah sedang berada dalam kancah peperangan. Dari peperangan, tidak ada sebarang kebajikan yang dapat ditunggu, melainkan semuanya adalah penderitaan dan kesusahan belaka. Semua pihak termasuk kita, tidak ada yang terkecuali dari turut menerima kesannya".

Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala memelihara diri kita, keluarga dan masyarakat daripada belenggu judi dan segala bentuk kemaksiatan. Semoga dengan menjauhi perkara yang diharamkan, kita mendapat keberkatan hidup dan negara ini terus dirahmati serta diredai Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENINGGALKAN KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Kazan, Persekutuan Rusia selepas selesai menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Khamis, 18 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Kazan, Persekutuan Rusia selepas selesai menghadiri

Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti

Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kazan bagi menyampaikan ucapan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Perdana Menteri Republik Tatarstan, Tuan Yang Terutama Alexey Pesoshin;

dan Deputy Chairman of the State Council of the Republic of Tatarstan, Tuan Yang Terutama Yuri Kamaltynov.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin dan para Pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Moscow.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berangkat meninggalkan Kazan, Persekutuan Rusia (atas), manakala gambar kanan, baginda dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.



HASRAT NEGARA

Hijrah 1448 memperkukuh iman, memelihara keamanan, kesejahteraan negara

>> Muka 2

Di sinilah tanggungjawab kita sedang diperlukan iaitu tanggungjawab menyelamat terhadap umat dan negara. Beta yakin perkara ini mampu untuk kita capai dengan

izin Allah. Maka dalam senario seperti ini, kita orang Islam diperlukan supaya sentiasa waspada bukan banyak lalai atau lupa tetapi banyak berdoa dan berzikir meminta selamat.

Akhir kalam untuk menutup perutusan

ini, beta dan keluarga beta dengan sukacita dan besar hati mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1448 kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, semoga dengan berkat tahun baharu kita semua dilimpahi rahmat dan

nikmat oleh Allah berupa petunjuk atau hidayat serta keselamatan dan rezeki yang mencurahkan-curahkan. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Kerjasama ASEAN-Rusia memacu keamanan, keselamatan, kemakmuran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai semasa berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia yang berlangsung di Kazan Expo International Exhibition Centre.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Khamis, 18 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia yang berlangsung di Kazan Expo International Exhibition Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada Sesi Plenari Pertama bagi Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



Darussalam mula-mula menzahirkan rasa penghargaan yang mendalam kepada Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir Putin atas sambutan mesra serta layanan yang baik yang dihulurkan oleh Kerajaan Republik Tatarstan dan rakyat Kazan. Baginda juga menyampaikan ucapan takziah kepada Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul, atas kemangkatan Her Royal Highness Princess Bajrakitiyabha, Kerajaan Thailand.

Menyentuh mengenai perkembangan Hubungan Persekutuan ASEAN-Rusia sepanjang 35 tahun, di samping perubahan-perubahan signifikan yang telah membentuk rantau ini dan secara global, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyatakan bahawa hubungan ini telah membuktikan kedayatanganan dan kepentingan yang semakin meningkat dalam menghadapi transformasi global. Tambahan lagi, kerjasama ASEAN-Rusia telah diperkukuhkan merentasi tiga tunggak Komuniti ASEAN yang

mencerminkan komitmen teguh Persekutuan Rusia terhadap usaha-usaha serantau ASEAN serta matlamat bersama dalam memelihara keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

Tambahan lagi, Kebawah DYMM menekankan bahawa melalui kerjasama ini, hubungan perkongsian tersebut telah mencapai manfaat ketara dan menandai hubungan persahabatan yang rapat di antara rakyat daripada kedua-dua rantau. Dalam usaha ASEAN ke arah merealisasikan Wawasan 2045, ASEAN berdepan dengan persekitaran global yang semakin mencabar, berikutan ketegangan politik dan ekonomi, cabaran perubahan iklim dan kemajuan teknologi yang pesat.

Dalam hal ini, baginda menggariskan bahawa kerjasama ASEAN-Rusia akan kekal menjadi penting dalam memperkukuhkan daya tahan secara kolektif dan memajukan keamanan, kestabilan dan kemakmuran dalam bidang-bidang yang boleh membawa impak yang bermakna, termasuk keselamatan tenaga dan makanan, tindakan menangani perubahan iklim, pengurusan bencana dan cabaran

keselamatan bukan tradisional.

Kebawah DYMM bertitah menekankan bahawa teras kepada segala usaha tersebut adalah rakyat, yang mana melalui pendidikan, pertukaran dan program latihan, generasi masa hadapan perlu dilengkapi dengan kemahiran dan rangkaian yang diperlukan untuk memperkukuhkan perkongsian ini. Pada dasarnya, hubungan ASEAN-Rusia akan dinilai melalui manfaat sebenar yang dapat dinikmati oleh rakyat.

Akhir sekali, baginda menyambut baik Deklarasi Kazan 2026, yang menegaskan semula komitmen terhadap memperkukuhkan Perkongsian Strategik ASEAN-Rusia. Dalam pada itu, baginda juga menyatakan keyakinan bahawa, dalam mengemudi 35 tahun yang akan datang, kedua-dua pihak akan memanfaatkan kepercayaan dan kerjasama yang telah dibina sekian lama bagi menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan dengan jayanya.

Pada penghujung Sesi Plenari tersebut, empat dokumen telahpun diluluskan, iaitu: Kazan Declaration 2026:

ASEAN-Russian Federation: Unity in Diversity - 35 Years Together; Comprehensive Plan of Action to Implement ASEAN-Russian Federation Strategic Partnership (2026-2030); Joint Statement of ASEAN and the Russian Federation on Energy Cooperation; dan Joint Statement of ASEAN and the Russian Federation on Cultural Cooperation.

Kebawah DYMM bersama ketua-ketua delegasi yang lainnya seterusnya berangkat menghadiri Sesi Plenari Kedua (Majlis Santap Tengah Hari).

Majlis Santap Tengah Hari Pemimpin Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia bertemakan 'Integration Processes in Eurasia'. Semasa Majlis Santap tersebut, Setiausaha Agung ASEAN, Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) dan Pengerusi Lembaga Suruhanjaya Ekonomi Eurasia (EEC) telah menyampaikan ucapan serta laporan mengenai hasil Forum Perniagaan ASEAN-Rusia - acara sampingan Sidang Kemuncak Komemoratif - yang telah diadakan pada 17 Jun 2026 di Kazan, Persekutuan Rusia.

BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP MALAM GALA



KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 17 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala.

Santap Malam Gala bagi meraikan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia yang dihoskan oleh Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, malam tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sejurus keberangkatan tiba di

Kamal Theatre, Kazan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Persekutuan Rusia. Majlis tersebut dihiburkan dengan beberapa persembahan kebudayaan.

Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia ini akan dipengerusikan bersama oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan Tuan Yang Terutama Presiden Persekutuan Rusia di mana Sidang Kemuncak akan berlangsung esok dan akan dihadiri oleh para pemimpin ASEAN yang lainnya.

TERUS MEMPERKUKUH KERJASAMA BAGI MANFAAT KEDUA-DUA BUAH NEGARA



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 17 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, yang diadakan di Kazan, Persekutuan Rusia.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dengan menzahirkan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Vladimir Putin kerana menghoskan Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, sudah lebih satu

dekad sejak keberangkatan terakhir ke Persekutuan Rusia, baginda turut mengimbas kembali keberangkatan dan pertukaran lawatan sebelum ini, termasuk mengalu-alukan TYT Vladimir Putin ke Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC pada tahun 2000 dan penyertaan TYT Vladimir Putin secara dalam talian semasa NBD menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2021.

Dalam titah, Kebawah DYMM juga menekankan mengenai hubungan dua hala antara NBD dan Persekutuan Rusia, dan tahun ini amat bermakna memandangkan kedua-dua negara akan memperingati Ulang Tahun Ke-35 hubungan diplomatik pada bulan Oktober nanti.

"Hubungan tersebut telah berkembang menjadi kerjasama yang kukuh dan substantif dalam pelbagai bidang utama seperti pendidikan, pertahanan, keselamatan serta pertukaran antara rakyat.

"Pada masa yang sama, kemajuan yang berterusan juga telah dicapai melalui Kumpulan Kerja Bersama dan Perbincangan Staf Tentera Laut," titah baginda lagi.

Dalam hubungan ini, Kebawah DYMM bertitah menekankan kepentingan untuk memperkukuh lagi kerjasama, termasuk

memuktamadkan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama Tentera Laut serta beberapa perjanjian lain yang masih dalam pertimbangan, bagi menjana manfaat yang nyata kepada kedua-dua negara.

Kebawah DYMM juga bertitah mengalu-alukan para pelajar Persekutuan Rusia untuk mempertimbangkan NBD sebagai destinasi pengajian mereka bagi mengukuhkan lagi pertukaran antara rakyat serta bagi syarikat-syarikat Persekutuan Rusia untuk meneroka peluang pelaburan di NBD dalam bidang seperti industri hiliran minyak dan gas, makanan, perkhidmatan, pelancongan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Di samping itu, Kebawah DYMM bertitah berharap agar Persekutuan Rusia akan menyokong usaha Pusat Perubahan Iklim ASEAN di NBD apabila pusat tersebut mula beroperasi.

Menyentuh mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa, Kebawah DYMM bertitah merakamkan penghargaan atas sokongan berterusan Persekutuan Rusia terhadap ASEAN Centrality dan berpandangan bahawa Hubungan Dialog merupakan platform penting bagi menggalakkan penglibatan yang konstruktif.

Dalam perkara ini, baginda bertitah berharap kerjasama antara NBD dan Persekutuan Rusia akan terus



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kiri), manakala gambar atas, baginda berkenan bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Presiden Persekutuan Rusia.

diperkukuh dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta forum-forum pelbagai hala yang lain dalam usaha menegakkan undang-undang antarabangsa yang berasaskan peraturan.

Dalam titah, Kebawah DYMM juga menyatakan kebimbangan yang mendalam mengenai krisis di Timur Tengah, khususnya berhubung isu Palestin, dan menegaskan semula sokongan terhadap penubuhan sebuah Negara Palestin yang merdeka berdasarkan penyelesaian dua negara serta sempadan sebelum tahun 1967.

Dalam menyeru agar pertikaian dihentikan serta-merta dan akses bantuan kemanusiaan ke Gaza diberikan tanpa halangan, Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan terhadap sokongan berterusan Persekutuan Rusia dalam memperjuangkan isu Palestin.

Baginda bertitah turut menegaskan kedudukan teguh NBD yang menentang penggunaan kekerasan dalam situasi yang melibatkan Republik Islam Iran,



sekali gus menyeru semua pihak untuk melibatkan diri secara tulus ikhlas dalam diplomasi dan dialog demi mencapai keamanan yang adil dan berkekalan.

Kebawah DYMM juga bertitah menyatakan harapan agar usaha-usaha diplomatik dapat membantu melindungi perdagangan, mengurangkan ketegangan serantau bagi penyelesaian yang aman dan segera di rantau berkenaan, termasuk Selat Hormuz.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM merakamkan penghargaan kepada TYT atas komitmen TYT dalam memperkukuh hubungan antara kedua-dua buah negara, serta mengundang TYT untuk mengadakan Lawatan Negara ke NBD.

NBD dan Persekutuan Rusia menjalinkan hubungan diplomatik pada 1 Oktober 1991, dan menikmati hubungan yang mesra dan baik dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pertahanan, pendidikan, budaya serta pertukaran rakyat.

Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Thailand



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul.

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul, yang berlangsung di Kazan, Persekutuan Rusia, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa Majlis Perjumpaan tersebut, kedua-dua pemimpin telah berbincang mengenai hubungan kerjasama dua hala antara Negara Brunei

Darussalam (NBD) dan Thailand dalam bidang perdagangan, bekalan makanan dan pertukaran antara rakyat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga mengundang Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand untuk mengadakan lawatan ke NBD.

NBD dan Thailand menjalinkan hubungan diplomatik pada 1 Januari 1984, dan menikmati hubungan kerjasama dua hala yang erat dan mesra dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pendidikan, kesihatan, pertahanan, budaya, sekuriti makanan serta pertukaran rakyat.

KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 17 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

BERANGKAT TIBA DI KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Kazan, Persekutuan Rusia bagi menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (atas, atas kanan dan kanan).

KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 17 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat tiba di Kazan, Persekutuan Rusia bagi menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Rusia yang akan berlangsung pada 17 hingga 18 Jun 2026.



Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kazan dijunjung oleh Rais Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Rustam Minnikhanov.

Juga hadir menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (kiri dan kanan).



Bincang isu dua hala, serantau, antarabangsa bagi kepentingan bersama

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

KAZAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Rabu, 17 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, pagi tadi berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Empat Mata

bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan.

Semasa perjumpaan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan telah berbincang mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Empat Mata bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan.

yang menjadi kepentingan bersama kepada Negara Brunei Darussalam dan



Republik Singapura. Majlis

Perjumpaan

berkenaan telah diadakan di Kazan, Persekutuan Rusia.

Kementerian Pertahanan semarakkan Sambutan Ilal Hijrah



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, ihsan Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Jun. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Hijrah / 2026 Masihi secara serentak di masjid dan balai-balai ibadah terpilih di keempat-empat daerah serta di kesemua surau garison, perkhemahan dan pangkalan

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru, hari ini.

Acara tumpuan berlangsung di Balai Ibadah Kampung Bebuloh, Daerah Brunei dan Muara. Konsep Sambutan Ilal Hijrah 1448H pada tahun ini menekankan penghayatan nilai-nilai hijrah

melalui program jangkauan masyarakat di kawasan pedalaman sebagai usaha memperkasa dakwah dan mendekati saudara-saudara baharu.

Pelaksanaannya melalui kerjasama erat bersama Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mencerminkan pendekatan Whole of Nation dalam memperkukuh penghayatan agama serta kesejahteraan masyarakat.

Inisiatif tersebut turut memperingati peristiwa agung Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah ke Kota Madinah, di samping memupuk semangat perpaduan, mempererat ukhuwah dan mengukuhkan hubungan silaturahim antara warga Kementerian Pertahanan dan masyarakat setempat.

Hadir pada majlis tumpuan tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Antara jemputan khas yang hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Mohammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Pemangku Pengarah PDI; Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid; Penghulu Mukim Pengkalan Batu; Pemangku Ketua Kampung Bebuloh dan Pegawai Penguasa Balai Polis Limau Manis.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada majlis berkenaan (atas). Antara jemputan khas yang turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (kiri).

Perisian majlis dimulakan dengan Tadarus Al-Quran, diikuti dengan penyampaian tazkirah yang bertajuk 'Hijrah Penyelamat Akidah' yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian sumbangan daripada Kementerian Pertahanan kepada seramai enam orang asnaf dan empat orang anak yatim.

Acara serupa turut diadakan di Masjid Kampung Benutan, Daerah Tutong; Pos Dakwah Kampung

Selapon, Daerah Temburong dan Balai Ibadah Kampung Melilas, Daerah Belait yang masing-masing dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif ABDB.

Sambutan pada tahun ini turut diserikan dengan Majlis Doa Kesyukuran bagi meraikan para jemaah haji dalam kalangan warga Kementerian Pertahanan dan masyarakat setempat yang telah selamat kembali selepas menyempurnakan ibadah haji di Tanah Suci Mekah Al-Mukarramah.



MAJLIS serupa turut diadakan di Masjid Kampung Benutan, Daerah Tutong (atas); Pos Dakwah Kampung Selapon, Daerah Temburong (bawah); dan di Surau Asy-Syuhada, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (bawah sekali).



KOPAZ Daycare dirasmikan



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Timbalan Pengerusi KOPAZ Berhad hadir di Majlis Pembukaan Awal Pusat Penjagaan Kanak-kanak KOPAZ baru-baru ini.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Koperasi Alumni Al-Azhar Berhad**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Jun. - Koperasi Alumni Al-Azhar Berhad (KOPAZ) hari ini mengadakan Majlis Pembukaan Awal (*soft opening*) Pusat Penjagaan Kanak-kanak KOPAZ (KOPAZ Daycare) bersempena dengan sambutan awal Muharam 1448 Hijrah.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi KOPAZ Berhad, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, sebelum disusuli majlis perasmian pusat berkenaan dan sesi bergambar ramai.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Timbalan Pengerusi KOPAZ Berhad.

Majlis juga dihadiri oleh ahli-ahli lembaga pengarah koperasi bersama ahli keluarga masing-masing.

Pusat Penjagaan Kanak-kanak KOPAZ merupakan inisiatif pendidikan awal kanak-kanak yang beroperasi sepenuhnya di bawah pengurusan KOPAZ Berhad.

Pusat ini membawa komitmen tinggi untuk menyediakan persekitaran penjagaan serta pendidikan awal yang selamat, berkualiti, dan berteraskan nilai-nilai Islam yang syumul.

Penubuhan pusat ini adalah selaras dengan objektif KOPAZ Berhad pada 23 November 2024, yang berperanan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi sekali gus membuka peluang pekerjaan yang meluas, khususnya kepada para alumni Universiti Al-Azhar yang terkemuka di Republik Arab Mesir.

Dengan pelancaran projek sulung ini, KOPAZ Berhad berharap dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan komuniti setempat melalui penyediaan perkhidmatan penjagaan yang holistik dan dipercayai oleh ibu bapa.

11 ANAK DAMIT LAHIR SEMPENA ILAL HIJRAH 1448



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Jun. - Seramai 11 anak damit iaitu tujuh anak damit lelaki dan empat anak damit perempuan

dilahirkan bagi Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448. Anak-anak damit yang lahir bermula masuk waktu Maghrib



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet hadir selaku tetamu-tetamu khas menyampaikan sumbangan kepada para penerima (kiri, atas dan bawah kiri).

1 Muharam hingga berakhirnya waktu Asar, 2 Muharam 1448H.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam mengendalikan Majlis Pemberian Hadiah kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 1 Muharam sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448 berlangsung di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri; dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga

Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan isteri.

Turut hadir selaku tetamu khas, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sendirian Berhad dan isteri.

Pemberian hadiah sumbangan KHEU disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Manakala Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa Akaun SiManja BND200 dan

hamper keperluan anak damit bernilai BND60.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan isteri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli juga menyempurnakan pemberian hadiah berupa baucar bernilai BND300 bagi penyertaan TBK Nur Savings dan barang keperluan anak damit.

Hadiah-hadiah anak damit yang lahir pada 1 Muharam 1448H adalah hadiah barangan anak damit bernilai BND200 dan buku ugama sumbangan daripada KHEU; Akaun SiManja BND200 dan hamper keperluan anak damit bernilai BND60 daripada Perbadanan TAIB dan baucar bernilai BND300 bagi penyertaan TBK Nur Savings serta barang keperluan anak damit.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa oleh Imam Tingkat II, Masjid Ar Rahman, Kampung Tanjong Bunut, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohammad Shahdon bin Awang Damit.

Anak damit pertama yang dilahirkan pada 1 Muharam 1448H ialah pada pukul 6.55 petang, seorang anak damit lelaki seberat 2.620 kilogram dari Daerah Brunei dan Muara. Anak damit tersebut merupakan anak kepada pasangan Dayang Nurol Faezatul Aqillah binti Awang Mohammad Ali dan Awang Mohammad Jerataillah bin Jukin.

Kelahiran anak-anak damit pada Sambutan Ilal Hijrah ini diraikan dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dalam memperingati kedatangan hari yang baik dan bersejarah dalam Islam. Ia juga menjadikan Takwim Hijrah terus mendapat tempat penggunaannya dari semasa ke semasa.

Seorang anak damit lahir 1 Muharam diraikan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada penerima (atas kanan dan atas).

BELAIT, Khamis, 18 Jun. - Bagi menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kelahiran anak damit pada hari yang baik dan bersejarah sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448, Majlis Pemberian Hadiah kepada Anak-Anak Damit yang lahir pada 1

Muharam 1448H telah diadakan di Dewan Kuliah, Blok 'R', Hospital Suri Seri Begawan (Hospital SSB), Kuala Belait (KB) pada pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad

Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri.

Hospital SSB mencatatkan kelahiran seorang anak damit perempuan seberat 2.825 kilogram pada 1 Muharam 1448H, jam 10.54 malam. Anak damit berkenaan adalah anak kepada pasangan Dayang Siti Nuramalina Maisarah binti Saidi dan Awang Khairul Azhar Amirurrahim bin Nasi.

Penyampaian hadiah kepada anak damit berkenaan telah disempurnakan oleh tetamu khas majlis.

Hadiah-hadiah untuk anak damit berkenaan berupa barangan anak damit bernilai BND200 dan buku ugama sumbangan dari KHEU; Akaun SiManja bernilai BND200; dan hamper keperluan anak damit bernilai BND60 dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); baucar bernilai BND300 bagi penyertaan TBK Nur Savings serta barang keperluan anak damit.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat III, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, KB, Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Aziz @ Haji Abdul Majid.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada anak damit yang lahir pada 1 Muharam 1448H diiringi dengan Dikir Marhaban oleh warga Hospital SSB, KB.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كمتري كصحت
KEMENTERIAN KESEHATAN
MINISTRY OF HEALTH

پنڟسان اول اول داپت منځلومات نځاوا
Selamatkan Usus Awda

TANDA PENGIKTIRAFAN, PENGHARGAAN KEPADA PELAJAR CEMERLANG

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TUNGKU, Khamis, 18 Jun. - Seramai 176 pelajar daripada sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat tingkatan enam kerajaan, swasta dan antarabangsa di seluruh negara menerima anugerah masing-masing mengikut kategori pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, petang tadi.

Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2025 berkenaan adalah bagi para pelajar yang mencapai

kecemerlangan dalam Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'A'; International Baccalaureate (IB); Pearson Edexcel UK/GCE International Advanced Level; Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan IGCSE; Pearson BTEC Level 2 Certificate; dan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Saleh.

Majlis diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Swasta dan Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama pihak Cambridge Assessment International Education (CAIE).

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Terdahulu, atur cara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar Tingkatan 6 Bawah dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Awang Muhammad Haziq Zharfan @ Muhaimin bin Mohd. Aidie, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada para pelajar dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 2 Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Antara anugerah mengikut kategori yang telah ditetapkan ialah Cambridge Outstanding Achiever Awards Brunei-Cambridge GCE 'A' Level dan Anugerah Pelajar Cemerlang Brunei-Cambridge GCE 'A' Level; Cambridge Outstanding Achiever Awards Brunei-Cambridge GCE 'O' Level / IGCSE; Anugerah Pelajar Cemerlang Brunei-Cambridge GCE 'O' Level / IGCSE; Anugerah Pelajar Cemerlang Pearson BTEC Level 2 Certificate; Anugerah Pelajar Cemerlang Penilaian Sekolah Rendah (PSR); dan Anugerah Khas Penilaian Sekolah Rendah (PSR).



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah berkenaan (atas), manakala gambar atas kiri, antara pelajar yang hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Brunei-Cambridge GCE 'A' Level; Cambridge Outstanding Achiever Awards Brunei-Cambridge GCE 'O' Level dan Anugerah Pelajar Cemerlang Brunei-Cambridge GCE 'O' Level / IGCSE; Cambridge Outstanding Achiever Awards Brunei-Cambridge GCE 'O' Level; Outstanding Pearson Learner Awards IGCSE dan Anugerah Pelajar Cemerlang Brunei-Cambridge GCE 'O' Level / IGCSE; Anugerah Pelajar Cemerlang Brunei-Cambridge GCE 'A' Level; Anugerah Pelajar Cemerlang International Baccalaureate (IB); Anugerah Khas Brunei-Cambridge GCE 'A' Level; Anugerah Pelajar Cemerlang Brunei-Cambridge GCE 'O' Level / IGCSE; Anugerah Khas Brunei-Cambridge GCE 'O' Level / IGCSE; Anugerah Pelajar Cemerlang Pearson BTEC Level 2 Certificate; Anugerah Pelajar Cemerlang Penilaian Sekolah Rendah (PSR); dan Anugerah Khas Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Anugerah pelajar cemerlang merupakan salah satu inisiatif tahunan Kementerian Pendidikan yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan

kepada para pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik khususnya di dalam peperiksaan awam dan sebagai dorongan serta galakan kepada para pelajar supaya lebih bersemangat untuk meraih kecemerlangan pada masa hadapan.

Melalui Majlis Penganugerahan berkenaan, Kementerian Pendidikan turut memberikan penghargaan kepada ibu bapa dan penjaga atas sokongan dan dorongan yang berterusan kepada anak-anak mereka, di samping memberikan pengiktirafan kepada pihak sekolah atas inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun dalam mencapai keputusan cemerlang di dalam peperiksaan awam.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan; Naib-Naib Canselor; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan; pemimpin-pemimpin sekolah serta ibu bapa dan penjaga para pelajar penerima anugerah.

Memperkukuh inisiatif membanteras jenayah perdagangan orang

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Jun. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan memperkukuh inisiatif membanteras jenayah perdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit Siasatan Perdagangan Manusia (USPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah mengadakan taklimat jerayawara mengenai Jenayah Perdagangan Orang (Trafficking in Persons), bertempat di Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh, Jalan Kebangsaan, Berakas.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Ketua USPM, Timbalan Penguasa Polis Hajah Anis @ Roszaffina binti Haji Ahmad.

Hadir pada taklimat berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan, serta para kakitangan.

Objektif utama taklimat ialah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada para peserta mengenai kaedah mengenal pasti potensi mangsa jenayah perdagangan orang di negara ini.

Pihak penguatkuasa dan agensi barisan hadapan, khususnya kakitangan suruhanjaya berkenaan disarankan untuk sentiasa berwaspada dan proaktif dalam mengenal pasti identiti pekerja warga Republik Rakyat Bangladesh yang bekerja di negara ini, yang berkemungkinan terperangkap dan dieksploitasi sebagai mangsa perdagangan manusia.

Kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan dalam memainkan peranan masing-masing bagi membantu PPDB menangani dan memerangi jenayah perdagangan manusia.



TAKLIMAT jerayawara mengenai Jenayah Perdagangan Orang (Trafficking in Persons), bertempat di Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh, Jalan Kebangsaan, Berakas.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan Belia dalam Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 24 Jun 2026
2. 'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'. Tarikh Tutup : 1 Julai 2026
3. 'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'. Tarikh Tutup : 8 Julai 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT KEPENTINGAN MENJAGA KEBERSIHAN ALAM SEKITAR

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Putat



PUTAT, Rabu, 17 Jun. - Semangat kerjasama dan perpaduan jelas terserlah apabila anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama para penduduk Kampung Putat berganding bahu menjayakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan Taman Rekreasi Herba Kampung Putat, hari ini.

Program tersebut diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat, bersama Inspektor Abu

Bakar @ Addam bin Haji Junaidi dan anggota PPDB serta para penduduk kampung yang hadir dengan penuh komitmen dalam memastikan kawasan taman berkenaan sentiasa bersih, teratur dan menarik.

Aktiviti itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar di samping memupuk rasa tanggungjawab bersama terhadap kemudahan awam yang terdapat di kampung berkenaan.



PROGRAM tersebut diketuai oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat bersama Inspektor Abu Bakar @ Addam bin Haji Junaidi dan anggota PPDB serta para penduduk kampung yang hadir dengan penuh komitmen dalam memastikan kawasan taman berkenaan sentiasa bersih, teratur dan menarik (atas dan kiri).

Sepanjang program, para peserta bergotong-royong membersihkan kawasan taman, mengumpul sampah serta mencantas tumbuhan yang memerlukan penyelenggaraan.

Kehadiran dan kerjasama erat antara pihak PPDB dan penduduk kampung mencerminkan hubungan yang harmoni serta semangat muafakat yang menjadi asas kepada kesejahteraan masyarakat.

Selain menceriakan kawasan

Taman Rekreasi Herba Kampung Putat, program berkenaan turut menjadi platform untuk mengukuhkan silaturahim dan mempereratkan hubungan antara agensi kerajaan dengan penduduk setempat.

Para penduduk kampung menzahirkan penghargaan atas kesudian anggota PPDB melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti ini, sekali gus menunjukkan komitmen pihak berkenaan dalam mendekati

masyarakat di peringkat akar umbi.

Program gotong-royong seumpama ini diharapkan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa sebagai usaha berterusan memelihara kebersihan, keindahan dan kesejahteraan Kampung Putat, selain menjadi contoh positif kepada generasi muda dalam mengamalkan budaya bergotong-royong dan menjaga alam sekitar.

Memupuk semangat perpaduan, kerjasama menerusi aktiviti keagamaan, kemasyarakatan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MENTIRI, Rabu, 17 Jun. - Dalam usaha menyemarakkan Sambutan Ilal Hijrah 1448, pelbagai pihak giat menganjurkan majlis yang diisikan dengan aktiviti keagamaan bagi menghayati makna penghijrahan dan memperkukuh ukhuwah dalam kalangan masyarakat.

Tidak ketinggalan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mukim Mentiri turut mengadakan

Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 yang berlangsung di Masjid Hassanah Bolkiah, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok.

Terdahulu, majlis dimulakan

dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan ceramah yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Majlis kemudian diteruskan dengan acara riadah berjalan kaki sejauh 1.10 kilometer (km) yang disertai oleh tetamu kehormat majlis.

Juga menyertai acara riadah berkenaan, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Haji Mohammad Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim; serta ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung Mukim Mentiri berserta ahli-ahli MPK masing-masing, jemaah masjid dan penduduk kampung.

Majlis seumpama ini merupakan antara program tahunan yang dianjurkan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) Mentiri bagi menyemarakkan Sambutan Ilal Hijrah 1448 serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan peristiwa hijrah dalam kehidupan umat Islam.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 yang berlangsung di Masjid Hassanah Bolkiah, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri (atas dan kiri).

Penganjuran majlis berkenaan juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan penduduk mukim di samping memupuk semangat perpaduan dan kerjasama menerusi penglibatan dalam aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Selain itu, majlis berkenaan

diharap dapat menjadi platform untuk menghayati nilai-nilai murni yang terkandung dalam peristiwa hijrah, termasuk semangat pengorbanan, keazaman dan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik selaras dengan tuntutan agama Islam.



سورھنجاي ڦرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



3



WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

MEMPERKUKUH PEGANGAN AGAMA, HAYATI SEMANGAT HIJRAH



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Sementara gambar kiri, Forum Perdana tersebut menampilkan dua ahli panel iaitu Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin dan Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Al-Fadhil Dr. Hilman bin Haji Salim.

MANGGIS / MADANG, Jumaat, 19 Jun. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis /

Madang lewat petang tadi menganjurkan Forum Perdana sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang



bertemakan 'Hijrah Penyelamat Akidah'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Forum Perdana tersebut menampilkan dua ahli panel yang berpengalaman iaitu Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin dan Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Al-Fadhil Dr. Hilman bin Haji Salim.

PARA hadirin Muslimah yang hadir pada Forum Perdana berkenaan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Sesi forum dikendalikan oleh Pengasas Al Busyra Islamic Event Management, Awang Haji Mohammad Ali Wafiuddin bin Haji Osman selaku moderator.

Perbincangan forum menyentuh pelbagai aspek berkaitan cabaran semasa yang boleh menjejaskan akidah umat Islam serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi memperkukuhkan pegangan agama dan menghayati semangat hijrah dalam kehidupan seharian.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah rombongan Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Dr. Dayang Hajah Norbayah binti Haji Shahminan, mencerminkan komitmen bersama dalam memastikan

program-program keagamaan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Penganjuran forum ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara akidah, memperkukuhkan perpaduan ummah serta menyemarakkan penghayatan nilai-nilai hijrah dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid yang terdiri daripada para penasihat, ahli-ahli jawatankuasa, para penghulu mukim, ketua-ketua kampung Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' serta para jemaah masjid dan orang ramai yang hadir bagi memeriahkan majlis tersebut.

Usaha berterusan ASEAN membanteras penipuan dalam talian

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (Senior Officials Meeting on Transnational Crime - SOMTC) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Kali Ke-26 yang berlangsung pada 16 hingga 18 Jun 2026 secara dalam talian.

Delegasi NBD diketuai oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad selaku Ketua ASEAN SOMTC-NBD dan pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Mesyuarat ASEAN SOMTC dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan merupakan platform tahunan bagi negara-negara ASEAN untuk membincangkan dasar, strategi dan inisiatif serta cabaran-cabaran jenayah rentas sempadan serta memperkukuh kerjasama dalam menangani cabaran keselamatan yang semakin kompleks dan dinamik.

Mesyuarat dimulakan dengan Sidang Plenari ASEAN SOMTC Kali Ke-26 pada 16 Jun 2026, di mana Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM telah menyampaikan Kenyataan Negara (Country Statement) yang mengetengahkan perkembangan terkini serta usaha-usaha nasional dalam empat bidang utama iaitu Penyeludupan Dadah Haram, Perdagangan Orang, Pengedaran dan Jenayah Siber.

Mengenai penyeludupan dadah haram, beliau memaklumkan bahawa situasi dadah secara keseluruhan di NBD kekal stabil. Walau bagaimanapun,

kebimbangan masih wujud terhadap penyalahgunaan methamphetamine, kemunculan pengguna dadah baharu serta cubaan sindiket antarabangsa menjadikan negara ini sebagai transit bagi pengedaran dadah haram.

NBD menegaskan semula komitmennya terhadap pendekatan Whole of Nation dalam usaha pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah, di samping menekankan kepentingan kerjasama serantau, perkongsian risikan dan tindakan kolektif menerusi mekanisme ASEAN dalam menangani ancaman berkaitan dadah.

Seterusnya berhubung jenayah perdagangan orang, NBD mengetengahkan kemajuan yang memberangsangkan, termasuk dua sabitan kes perdagangan buruh di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Orang, Penggal 230, pengukuhan mekanisme pengenalpastian mangsa, peningkatan penyelarasan antara agensi serta pelaksanaan berterusan Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perdagangan Orang 2025-2029.

NBD turut menekankan hubungan yang semakin ketara antara jenayah perdagangan orang dan operasi penipuan dalam talian, serta menyatakan sokongan terhadap inisiatif serantau bagi menangani eksploitasi seksual dalam talian dan jenayah berkaitan perdagangan orang.

Awang Zulhusam seterusnya menjelaskan bahawa penipuan dalam talian kekal sebagai ancaman siber yang paling signifikan di negara ini. Dalam tempoh enam bulan dari September 2025 hingga April 2026, Pasukan Polis Diraja Brunei



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad selaku Ketua ASEAN SOMTC-NBD hadir secara dalam talian mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam pada mesyuarat tersebut.

(PPDB) telah merekodkan lebih seribu kes penipuan dengan jumlah kerugian yang dilaporkan melebihi BND6 juta.

Sebagai tindak balas, pihak berkuasa telah memperkukuh usaha pelbagai agensi, termasuk menyekat laman sesawang penipuan dan nombor telefon palsu, meningkatkan penyelarasan antara agensi berkaitan serta memperkukuh mekanisme khusus bagi menangani penipuan.

NBD turut mengalu-alukan usaha berterusan ASEAN dalam membanteras penipuan dalam talian dan menegaskan semula komitmennya untuk memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang ini.

Seterusnya pada 17 hingga 18 Jun 2026, Mesyuarat ASEAN SOMTC juga telah mengadakan konsultasi dengan 10 buah Negara Rakan Dialog ASEAN sebanyak

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

iaitu Australia, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Kanada, Kesatuan Eropah, New Zealand, Persekutuan Rusia, Republik India dan Amerika Syarikat.

Pada 18 Jun 2026, NBD telah mempengerusikan bersama Konsultasi SOMTC + Kesatuan Eropah Ke-14, di mana NBD menegaskan semula komitmennya dalam menangani sifat jenayah rentas sempadan yang semakin berkembang serta menekankan kepentingan kerjasama berterusan dengan Rakan Dialog ASEAN dalam mempromosikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau.

Konsultan ini dipengerusikan bersama oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM dan Duta

Kesatuan Eropah ke ASEAN, Tuan Yang Terutama Sujiro Seam.

Awang Zulhusam turut merakamkan penghargaan kepada Kesatuan Eropah atas sokongan berterusan yang diberikan, khususnya dalam inisiatif pembangunan kapasiti bagi agensi penguatkuasaan undang-undang dan perundangan di rantau ini.

Mesyuarat ASEAN SOMTC Kali Ke-26 telah dipengerusikan oleh Undersecretary for Peace and Order, Department of the Interior and Local Government, Republik Filipina, Nestor B. Sanares selaku Ketua SOMTC-Filipina dengan disertai oleh ketua-ketua delegasi dan pegawai-pegawai kanan dari Negara-negara ASEAN dan perwakilan daripada Sekretariat ASEAN.

MAJLIS MEMULAKAN BACAAN AL-QURAN 40 KALI KHATAM MASJID KAMPUNG BENGKURONG

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BENGKURONG, Rabu, 17 Jun. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bengkurong mengadakan Majlis Memulakan Bacaan Al-Quran 40 Kali Khatam sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Masjid Kampung Bengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim, yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu Masjid Bengkurong.

Bagi mengambil keberkatan

sambutan berkenaan, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Bengkurong, Awang Haji Anuar bin Haji Mohd. Yusof.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Surah Al-Baqarah beramai-ramai dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Masjid Kampung Bengkurong terletak kira-kira 7 kilometer dari Bandar Seri Begawan dan dibina



AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bengkurong semasa mengadakan Majlis Memulakan Bacaan Al-Quran 40 Kali Khatam sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Masjid Kampung Bengkurong (atas dan kiri).

pada tahun 1984 di atas tapak tanah seluas empat ekar dan siap pada tahun 1986 dengan perbelanjaan kira-kira BND250,000.

Masjid berkenaan telah dibuka rasmi oleh mantan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, pada Jumaat, 8 Rejab, 1408 Hijrah bersamaan 26 Februari 1988 Masihi dan boleh menampung kira-kira 200 jemaah.

Disebabkan bilangan penduduk dan jemaah semakin bertambah, maka kerja-kerja pembesaran masjid telah dimulakan pada

penghujung tahun 1990 dan siap pembinaannya pada 14 April 1991 dan boleh menampung sehingga 800 jemaah.

Jadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan kehidupan seharian

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Siti Rokiah Abdullah, Ihsan Jabatan Pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Jun. - Seramai 26 murid Darjah VI Sekolah Ugama Puser Ulak, terdiri daripada 13 lelaki dan 13 perempuan diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung petang tadi di dewan sekolah berkenaan selepas berjaya menamatkan pembacaan 30 juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Guru Besar Sekolah Rendah Puser Ulak, Dayang Hajah Norismawati binti Haji Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis. Acara diteruskan dengan para peserta khatam memperdengarkan bacaan surah-surah lazim, diikuti bacaan Takhtim serta Doa Khatam yang dipimpin oleh Awang Abdul Aqib bin Adanan.

Majlis seterusnya diserikan dengan penyampaian sijil kepada para peserta khatam oleh tetamu kehormat majlis dengan diiringi persembahan dikir yang menambahkan lagi kemeriahan suasana majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh tenaga pengajar sekolah, Awang Mohd. Norlizal bin Haji Mesali.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran berkenaan bertujuan untuk meraikan murid-murid yang berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran, di samping melahirkan generasi celik Al-Quran serta menjadikan pembacaan kitab suci berkenaan sebagai amalan berterusan dalam kehidupan seharian.

Majlis berkenaan juga mencerminkan komitmen berterusan Jabatan Pengajian Islam dalam memperkukuh syiar Islam di Negara Brunei Darussalam melalui usaha membentuk masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam.



PENYAMPAIAN sijil kepada para peserta khatam oleh tetamu kehormat majlis dengan diiringi persembahan dikir menambahkan lagi kemeriahan suasana majlis.

Hayati, ambil hikmah peristiwa hijrah



PEGAWAI Perkembangan Ugama, Unit Ceramah, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff hadir selaku penceramah undangan khas.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Rabu, 17 Jun. - Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' melalui inisiatif Jawatankuasa Tertinggi berserta ahli-ahlinya turut sama mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Hijrah, sempena memperingati kehadiran Tahun Baharu Hijrah 1448, bertempat di Hotel Star Lodge, Kampung Jerudong.

Hadir selaku penceramah undangan khas ialah Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Ceramah, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff.

Turut hadir, isteri Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Dayang Lauyah binti Haji Mohammad; Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohammad Yassin; Timbalan Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Azizah binti Haji Mirasan, serta jawatankuasa tertinggi dan ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B'.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat

At-Tafrijiyyah dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Bahagian Keagamaan Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rosnah binti Haji Tamin, diikuti dengan Doa Awal Tahun yang dibacakan oleh Penolong Bahagian Keagamaan Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Lauyah binti Haji Mohammad.

Acara kemuncak Majlis Sambutan Ilal Hijrah ialah Ceramah Khas Ilal Hijrah sempena kehadiran Awal Muharam Tahun 1448 Hijrah yang disampaikan oleh Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff bertajuk 'Hijrah Menuju Jannah'.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, serta Doa Selamat dibacakan oleh ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Kahidah binti Haji Salat.

Seramai lebih 30 orang ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' dan para jemputan hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis tersebut.

Majlis antara lain bertujuan untuk memperingati dan menghayati peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah.

Di samping untuk mengajak para ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' khasnya dan kaum wanita umumnya, agar meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap pengajaran serta hikmah di sebalik peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai panduan dalam memperkukuh jati diri serta menggalakkan perubahan positif dalam diri dan masyarakat.

WAKIL DBP HADIRI MESYUARAT SEKRETARIAT KE-28 MABBIM

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

BERAKAS, Khamis, 18 Jun. - Mesyuarat Sekretariat Ke-28 Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (Mabbim) yang diselenggarakan oleh Mabbim Indonesia selaku tuan rumah telah berlangsung, hari ini.


Mesyuarat dihadiri oleh ketiga-tiga Negara Anggota Mabbim iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD), Republik Indonesia dan Malaysia secara dalam talian melalui aplikasi Zoom.

Mesyuarat secara maya yang berlangsung di NBD diadakan di Dewan Patih Barbai, Tingkat 1, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas dan dihadiri oleh tiga Pegawai DBP, iaitu Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, DBP, Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksin, selaku Setiausaha Mabbim Brunei Darussalam dan dua orang Urus Setia Mabbim NBD, iaitu Pegawai Bahasa DBP, Dayang Masni binti Mokhtal dan Pegawai Istilah Kanan DBP, Dayang Nurhafizah binti Zahari.

Majlis Pembukaan Mesyuarat Sekretariat Ke-28 Mabbim dimulakan dengan kata sambutan dan memperkenalkan ahli-ahli mesyuarat oleh ketiga-tiga Setiausaha Negara Anggota Mabbim iaitu Yang Terhormat Dr. Dora Amalia, M. Hum. dari Republik Indonesia, Dayang Hajah Annisa dari NBD dan Yang Berbahagia Encik Mohd. Riduan bin Wahab dari Malaysia.

Mesyuarat Sekretariat Ke-28 Mabbim antara lain telah membincangkan dan menyelaraskan gerak kerja Mabbim di peringkat keurussetiaan bagi pelaksanaan beberapa program Mabbim akan datang iaitu Seminar Kebahasaan Antarabangsa Mabbim 2026, Syarahan Mabbim Ke-14, 2026 dan pertukaran pegawai / magang bahasa di ketiga-tiga negara Mabbim.

Sekretariat Mabbim juga turut membincangkan draf isi kandungan Pernyataan Bersama Mabbim dan tempoh penyelenggaraan Mabbim tahun 2026-2030 untuk diusulkan dalam Sidang Eksekutif Ke-61 Mabbim



MESYUARAT dihadiri oleh ketiga-tiga Negara Anggota Mabbim iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia secara dalam talian melalui aplikasi Zoom.

yang akan diadakan di Malaysia pada tahun 2027.

Majlis Penutupan Mesyuarat Sekretariat Ke-28 Mabbim

diadakan pada sebelah petang dengan penandatanganan digital Laporan Mesyuarat Sekretariat Ke-28 Mabbim dan ucapan

daripada Setiausaha ketiga-tiga Negara Anggota Mabbim dan berakhir dengan sesi bergambar ramai secara maya.

SU Sukan adakan Majlis Khatam Al-Quran



SEKOLAH Ugama Sukan menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran bagi seramai 44 murid Darjah VI 1448 Hijrah bertempat di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie (atas dan bawah).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

KAMPUNG PULAE, Khamis, 18 Jun. - Majlis Khatam Al-Quran merupakan antara usaha berterusan sekolah-sekolah ugama di negara ini dalam mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang celik Al-Quran, beriman, beramal dan bertakwa, di samping meraikan murid-murid Darjah VI yang

berjaya.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Sukan menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran bagi seramai 44 murid Darjah VI 1448 Hijrah bertempat di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie, hari ini.

Daripada jumlah tersebut 31

peserta khatam terdiri daripada murid lelaki dan selebihnya 13 peserta adalah murid perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Tungku, Gadong, Mukim Gadong 'A', Pengiran Mahmod Fakhru Razi bin Pengiran Hamzah yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Muhammad Noor Kaiser Darwishah bin Muhammad Hidayat.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil khatam dan seterusnya diiringi dengan persembahan Dirik Asyraqal. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pengiran Muhd. Nasiruddin bin Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis tersebut turut menjadi platform bagi mengeratkan hubungan antara pihak sekolah dengan ibu bapa dan penjaga, di samping mencerminkan usaha berterusan Jabatan Pengajian Islam dalam memperkukuhkan pendidikan ugama dan menyemai kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan murid.



جابتن فرانتغن ايكونومي دان ساتاتيسك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends on #YouAndMe

32 PELAJAR, 5 KAKITANGAN ISB TERIMA SIJIL PBSM



PRESIDEN Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam (NBD), Dayang Lailatul Zubaidah binti Haji Md. Hussain hadir selaku tetamu kehormat di majlis penerimaan sijil berkenaan (atas), sementara gambar atas kanan, para pelajar International School Brunei yang mengikuti program PBSM NBD tersebut.

■ Siaran Akhbar dan Foto : International School Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Jun. - International School Brunei (ISB) telah mencipta sejarah dengan menjadi sekolah antarabangsa pertama yang melaksanakan Program Belia Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam (NBD) dan menerima Sijil Rasmi Kadet Sekolah Berdaftar PBSM NBD.

Pencapaian ini diraikan dalam satu majlis perasmian yang diadakan di Teater ISB, baru-baru ini, yang dihadiri oleh pelajar, kakitangan, ibu bapa serta wakil daripada PBSM NBD.

Di ISB, program ini bermula pada tahun 2025 apabila pelajar Tahun 11, Cayden Po, mencadangkan agar PBSM diperkenalkan kepada pelajar sekolah menengah ISB.

Terinspirasi oleh misi kemanusiaan dan belas ihsan PBSM, Cayden bukan sahaja memperjuangkan idea tersebut malah turut aktif membanting aktiviti kokurikulum (ECA) setiap Isnin bermula

daripada Penggal 3 Sesi Akademik 2024 / 2025 hingga Penggal 2 Sesi Akademik 2025 / 2026 sambil berkongsi pengetahuan dan pengalamannya sebagai Ahli Kadet PBSM dengan rakan-rakan pelajar.

"Pelancaran ini membuktikan apa yang boleh dicapai apabila kepimpinan pelajar digabungkan dengan keinginan untuk berkhidmat. Penubuhan unit ini bukan sekadar pelancaran program kokurikulum, malah merupakan satu pengisytiharan bahawa para pelajar kami bersedia untuk melangkah lebih jauh daripada bilik darjah, melihat melangkaui diri sendiri, dan berkhidmat kepada dunia dengan hati yang terbuka serta tangan yang berkemampuan," ujar Ketua Sekolah Menengah ISB, Dr. Peter Jones semasa memberikan ucapan alu-aluan semasa majlis tersebut.

Sebagai persediaan untuk pelancaran program ini, pelajar dan kakitangan ISB telah menjalani

latihan Pertolongan Cemas yang intensif pada 4 April dan 25 April 2026. Komuniti PBSM ISB kini terdiri daripada 32 pelajar dan lima kakitangan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Presiden PBSM NBD, Dayang Lailatul Zubaidah binti Haji Md. Hussain.

"Baru-baru ini, pada 8 Mei 2026, kita telah meraikan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia dengan tema global 'Bersatu dalam Kemanusiaan' satu hari yang mengingatkan kita tentang satu kebenaran yang mudah tetapi amat bermakna: bahawa kemanusiaan menghubungkan kita semua," ujar Presiden PBSM NBD yang juga merupakan alumni ISB.

Beliau turut menyatakan bahawa gerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah menghimpunkan 191 persatuan kebangsaan, kira-kira 17 juta sukarelawan dan kakitangan, serta hampir 289,000 cawangan tempatan di seluruh dunia.

"Oleh itu, majlis perasmian hari ini merupakan satu detik bersejarah yang penting dalam sejarah PBSM NBD, dengan ISB menjadi institusi pendidikan swasta pertama di NBD yang melancarkan platun kadet sekolah, kira-kira 36 tahun selepas Belia dan Kadet

Sekolah Bulan Sabit Merah Brunei mula ditubuhkan pada tahun 1990," tambahnya.

Semasa majlis tersebut, Timbalan Pengarah Belia PBSM, Awang Muhammad Fa'eq Iqbal bin Haji Abdul Majid turut menyampaikan pembentangan kepada para pelajar mengenai peluang dalam platun kadet dan laluan yang tersedia kepada ahli muda yang ingin memperkukuhkan penglibatan mereka dalam gerakan PBSM.

Sementara itu, Pengetua Eksekutif ISB, Dominic Morley berkata bahawa program tersebut mencerminkan teras utama misi ISB iaitu sebuah sekolah di mana setiap individu cemerlang dalam persekitaran yang inklusif dan berprestasi akademik tinggi.

Selain itu, misi ISB untuk memupuk bukan sahaja kemahiran akademik tetapi juga kemahiran hidup dan nilai-nilai yang mempersiapkan pelajar untuk berjaya di dunia. Keberanian, belas ihsan dan kepimpinan yang ditunjukkan oleh ahli PBSM NBD adalah contoh nyata misi ini yang diterjemahkan dalam tindakan.

Dalam majlis tersebut, pelajar dan kakitangan ISB yang terlibat turut mengambil bahagian dalam

Ikar Ahli PBSM. Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil. Bagi pihak ISB, Dominic Morley telah menerima Sijil Kadet Sekolah Berdaftar PBSM yang disampaikan oleh Presiden PBSM NBD. Para pelajar dan kakitangan turut menerima Sijil Keahlian PBSM dan Sijil Pertolongan Cemas.

Program Belia PBSM selaras secara langsung dengan tiga tonggak utama ISB iaitu 'Mengilhamkan Minda', 'Membentuk Nilai' dan 'Membina Masa Depan'. Melalui program ini, para pelajar bukan sahaja memperoleh pensijilan pertolongan cemas, malah membangunkan kesedaran, kepekaan dan kemahiran praktikal untuk memberi respons yang bermakna dalam komuniti mereka dan juga di peringkat yang lebih luas.

Melangkah ke hadapan, ISB merancang untuk terus memperluaskan keahlian PBSM serta menubuhkan pasukan pegawai kadetnya sendiri bagi memastikan para graduannya bukan sahaja dikenali kerana kecemerlangan akademik, tetapi juga kerana komitmen tulen mereka untuk berkhidmat kepada kemanusiaan di mana sahaja mereka diperlukan.



1 Hijrah Ceria ukir senyuman anak yatim

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Kartina Hassem

JERUDONG, Khamis, 18 Jun. - Kegembiraan dan gelak tawa jelas terpancar pada wajah 67 orang yang terdiri daripada anak-anak yatim dan golongan asnaf apabila mereka diraikan menerusi '1 Hijrah Ceria' yang berlangsung di Taman Permainan Jerudong Park, baru-baru ini.

Acara yang penuh bermakna itu merupakan anjuran di bawah inisiatif Projek Halwun Rezqin yang setentunya memberikan impak kepada yang diraikan.

Tujuan utama Program '1 Hijrah Ceria' ini diadakan adalah sempena menyambut kedatangan Tahun Baharu Hijrah 1448. Lebih menyentuh hati, usaha murni itu bagi memberi peluang kepada anak-anak kurang bernasib baik yang jarang dan ada yang tidak pernah menjejakan kaki atau merasai pengalaman berseronok di taman permainan berkenaan.

"Melihat senyuman anak-anak yang belum pernah merasai ke Jerudong Park ini adalah satu kepuasan yang tidak dapat diungkapkan. Melihat senyuman mereka sahaja sudah cukup membuatkan kami rasa bahagia," jelas wakil penganjur Projek Halwun Rezqin, Kartina Hassem.

Kelancaran dan kejayaan majlis ini juga katanya, adalah hasil sumbangan ikhlas serta tajaan

PROGRAM '1 Hijrah Ceria' anjuran di bawah inisiatif Projek Halwun Rezqin yang telah berlangsung di Taman Permainan Jerudong Park baru-baru ini adalah sempena menyambut kedatangan Tahun Baharu Hijrah 1448, bagi memberi peluang kepada anak-anak kurang bernasib baik untuk merasai pengalaman berseronok di taman permainan berkenaan (kanan dan bawah kanan).

daripada para dermawan yang begitu prihatin.

Tambahnya, sumbangan yang dihulurkan telah membolehkan anak-anak ini menikmati pelbagai permainan dan kemudahan di Jerudong Park, sekali gus mencipta memori indah yang pastinya akan terpahat dalam ingatan mereka.

Inisiatif murni seumpama itu setentunya membuktikan bahawa keprihatinan masyarakat tanpa mengira apa pun dan mampu membawa perubahan besar dan memberikan sinar kebahagiaan kepada golongan yang memerlukan di negara ini.





BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia daripada pelbagai bangsa dan suku kaum serta mengurniakan kepelbagaian bahasa sebagai alat komunikasi dan lambang jati diri bangsa manusia. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rum, ayat 22 :

Tafsirnya : "Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya adalah penciptaan langit dan bumi dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang berilmu".

Kepelbagaian tersebut turut dijelaskan dan diperkukuhkan melalui firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13 :

Tafsirnya : "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya

Bahasa Melayu : Jiwa, identiti dan jati diri bangsa

semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti".

Kedua-dua ayat tersebut mengingatkan kita bahawa kepelbagaian bangsa dan bahasa di dunia bukan untuk menimbulkan perpecahan tetapi merupakan bukti kebesaran dan keagungan ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu disyukuri serta dipelihara. Kepelbagaian bahasa menjadi lambang identiti yang membolehkan manusia saling mengenali, memahami dan menghormati jati diri antara satu sama lain. Namun pada masa yang sama, tidak mengabaikan bahasa dan identiti sendiri.

Islam amat menitikberatkan penggunaan bahasa yang baik dan sopan kerana bahasa mencerminkan akhlak, nilai pendidikan serta tatasusila seseorang. Penggunaan bahasa yang baik dan santun bukan sahaja menggambarkan keperibadian yang mulia, malah dapat mewujudkan suasana yang harmoni serta memberi kesan yang baik kepada pendengar dan penerimanya. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Musa dan Nabi Harun Alaihissalam dalam Surah Ta-Ha, ayat 44 :

Tafsirnya : "Maka kamu katakan kepadanya kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia beringat (sedar) atau takut (kepada Tuhan)".

Ayat tersebut mengingatkan kita

bahawa setiap komunikasi dan dakwah perlu disampaikan dengan lemah lembut serta penuh hikmah agar lebih mudah diterima dan memberi kesan kepada hati seseorang.

Di Negara Brunei Darussalam, bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, malah menjadi simbol identiti, perpaduan serta asas pembentukan jati diri dan budaya masyarakat. Bahkan bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara dan berperanan sebagai bahasa utama dalam pentadbiran, pendidikan, penyampaian ilmu serta menjadi medium penyatuan masyarakat daripada pelbagai puak di negara ini.

Bahasa adalah jiwa bangsa dan tanpa bahasa Melayu sebahagian daripada warisan serta identiti kebruneian kita akan turut terhakis. Bahasa Melayu juga mempunyai hubungan yang rapat dengan falsafah Melayu Islam Beraja. Melalui bahasa inilah nilai-nilai Islam disampaikan, adat yang baik dipelihara, ilmu diwariskan dan nasihat orang tua didengar serta dihormati. Oleh itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa, guru-guru, pemimpin masyarakat dan generasi muda untuk terus menggunakan bahasa Melayu dengan betul, sopan dan bermaruah. Janganlah bahasa kita dicemari dengan kata-kata kesat atau gaya komunikasi yang menghilangkan adab dan hormat.

Oleh itu, marilah kita sama-sama merenungkan kembali kepentingan bahasa Melayu melalui petikan titah Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-44 pada 21 Julai 1990 mengenai peranan pentingnya bahasa Melayu di negara ini. Antara petikan titah baginda ialah : "Dari tiga rangkai kata : 'Melayu Islam Beraja' terdapat unsur nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya daripada Melayu itu, ialah bahasanya. Siapa pun tidak boleh menyangkal, bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satu alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti". Demikian baginda bertitah.

Marilah kita sama-sama menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan betul serta menyemai rasa cinta terhadap bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda. Dalam masa yang sama, kita juga perlu menghargai usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Sesungguhnya bangsa yang memuliakan bahasanya ialah bangsa yang menghargai asal-usulnya dan bangsa yang memelihara adab bahasanya ialah bangsa yang sedang memelihara kemuliaan dirinya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat bahasa yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan memanfaatkannya untuk perkara yang baik dan bermanfaat. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memberkati Negara Brunei Darussalam, memelihara keamanan, kedaulatan dan identiti negara serta memberkati segala usaha dalam memelihara khazanah bangsa demi kesejahteraan generasi akan datang. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada kita kekuatan untuk memelihara bahasa Melayu sebagai jiwa, identiti dan jati diri bangsa serta menjadikannya **risalah** untuk menyebarkan ilmu, memperkukuh perpaduan dan meningkatkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Tafsirnya : "(Allah) yang Maha Pemurah. Dia yang telah mengajarkan Al-Quran. Dia yang telah menciptakan manusia. Dia yang telah mengajarnya pandai berkata-kata". (Surah Ar-Rahman, ayat 1-4)

Sentiasa mengulang kaji pelajaran secara konsisten

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU, Khamis, 18 Jun. - Amalan mendisiplinkan diri secara konsisten semasa mengulang kaji pelajaran atau istiqamah dalam belajar adalah kunci utama kejayaan akademik, dan kesannya jauh lebih mendalam berbanding kaedah belajar di saat-saat akhir.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Awang Mohammad Aidil Fathi @ Mohammad Adib Farhan bin Azman ketika ditemu bual Pelita Brunei pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2025 yang diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, petang tadi.

Beliau merupakan pelajar dari Sekolah Menengah Masin menerima Anugerah Cambridge Outstanding Achiever Awards Brunei-Cambridge GCE 'O' Level / IGCSE (Top in Brunei) dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.



AWANG Mohammad Aidil Fathi @ Mohammad Adib Farhan bin Azman.

Awang Mohammad Aidil Fathi @ Mohammad Adib Farhan mengongsikan antara amalan atau cara belajar yang banyak membantunya mencapai kejayaan tersebut ialah mengulang kaji pelajaran secara konsisten, selain melatih diri dengan menggunakan kertas soalan tahun-tahun lepas atau *Past Year Paper* (PYP), yang menurutnya antara strategi serangkaian yang dapat membantu mengenali corak soalan peperiksaan.

"Selain itu, tahu di mana kekuatan diri, iaitu fokus atau utamakan bahagian yang berpotensi untuk memperoleh skor tanpa mengabaikan bahagian lain, contoh saya lebih fokus ke novel dan hikayat, oleh itu saya akan lebih mengoptimalkan bahagian ini sebab saya tahu bahagian sajak saya sedikit lemah namun saya tetap terus berusaha sebaik mungkin untuk mengimbangi strategi ini

dengan lebih berkesan.

"Menerapkan daya saing dalam diri sendiri secara sihat supaya lebih bersemangat untuk terus belajar dan mempertingkatkan markah sebab saya tahu saya mampu, kalau orang lain boleh buat, kenapa saya tidak? Tambahan di dalam kelas saya saingan ramai dan saya bermula dari pelajar sastera yang susah mendapat kredit 'C' hingga akhirnya alhamdulillah mendapat A* dan mampu menunjukkan bahawa saya sudah berusaha semaksimal mungkin," ujarnya lagi.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Cikgu Rainey yang banyak membantu beliau, memandangkan peranan seorang guru dalam membentuk kemahiran sangat penting kerana ia dapat membentuk seorang pelajar daripada kurang mahir sehingga pandai dalam menjawab soalan.

Inisiatif guru dengan mengadakan kelas tambahan di sebelah petang dengan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan hafalan katanya lagi, juga melatih pelajar menjawab soalan PYP, serta dibolehkan bertanya apa sahaja soalan yang popular dikeluarkan di dalam peperiksaan pada tahun kebelakangan.

Namun apa yang paling penting

jasasnya lagi ialah doa orang di sekeliling terutamanya ibu bapa dan guru-guru yang dapat memberikan impak yang besar daripada beberapa sudut termasuk keberkatan ilmu, ketenangan diri ketika menjawab soalan, dan usaha yang gigih sehingga akhirnya berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang A*, ia adalah satu anugerah dan penghormatan yang besar.

"Di kesempatan ini juga, saya dengan tulus ikhlas menzahirkan rasa terima kasih kepada guru-guru saya, kerana tanpa guru-guru semua segalanya yang menjadikan saya hari ini tidak akan tercapai. Kejayaan saya boleh dikatakan atas adanya peranan guru-guru saya," ujarnya mengakhiri temu bual.

Sementara itu, Dayang Maryam Al-Muttaqiyyah Billah binti Mohammad Satria Alam Shah dari Sekolah Rendah Jerudong merupakan penerima Anugerah Pelajar Cemerlang Penilaian Sekolah Rendah (kerajaan).

Beliau mengongsikan antara



DAYANG Maryam Al-Muttaqiyyah Billah binti Mohammad Satria Alam Shah.

amalan atau cara belajar yang banyak membantunya dalam pembelajaran, iaitu dengan memperbanyakkan latihan menjawab kertas peperiksaan tahun-tahun sebelumnya, selain penguasaan bahasa Inggeris adalah merupakan suatu kelebihan yang memudahkannya dalam proses pemahaman

pelajaran serta penyelesaian soalan.

Menjawab tentang siapakah individu yang banyak memberikan dorongan dan sokongan kepadanya, beliau menjelaskan bahawa ayahnya sentiasa memberikan dorongan bagi memastikan beliau menyiapkan kertas-kertas soalan lepas di samping memastikan dirinya kekal fokus, manakala ibunya pula sering kali memberikan kata-kata semangat demi kejayaannya, dan paling penting sering kali meminta kedua-dua ibu bapanya mendoakan untuk kejayaannya.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضْ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



BAHASA MELAYU: JIWA, IDENTITI DAN JATI DIRI BANGSA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 03 Muharram 1448H / 19 Jun 2026M



PETIKAN TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-44 PADA 21 JULAI 1990 MENGENAI PERANAN PENTING BAHASA MELAYU DI NEGARA INI.

Antara petikan titah baginda ialah:

“Dari tiga rangkai kata: ‘Melayu Islam Beraja’ terdapat unsur nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya daripada Melayu itu, ialah bahasanya. Siapa pun tidak boleh menyangkal, bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti.”

BAHASA MELAYU

- Bahasa Melayu juga mempunyai hubungan yang rapat dengan falsafah Melayu Islam Beraja.
- Melalui bahasa inilah nilai-nilai Islam disampaikan, adat yang baik dipelihara, ilmu diwariskan dan nasihat orang tua didengar serta dihormati.
- Oleh itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa, guru-guru, pemimpin masyarakat dan generasi muda untuk terus menggunakan bahasa Melayu dengan betul, sopan dan bermaruah.
- Janganlah bahasa kita dicemari dengan kata-kata kesat atau gaya komunikasi yang menghilangkan adab dan hormat.

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

SEMAI SEMANGAT PERPADUAN, KERJASAMA PENDUDUK KAMPUNG

■ Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar



SUNGAI BESAR, Rabu, 17 Jun. - Kempen Kebersihan Masjid Kampung Sungai Besar sempena Sambutan Maal Hijrah membantu menyemai kesedaran mengenai

peranan setiap individu dalam membawa perubahan positif kepada diri, keluarga dan masyarakat. Perkara tersebut dijelaskan oleh

Penasihat I, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Awang Haji Damit pada Kempen Kebersihan Masjid Kampung Sungai Besar sempena memperingati sambutan Maal Hijrah yang diadakan pagi tadi, bertempat di masjid berkenaan.

"Di sebalik program *kitani* untuk membersihkan persekitaran masjid, ia menjadi simbolik kepada usaha memperbaharui azam dan komitmen untuk terus berhijrah ke arah kehidupan yang lebih berdisiplin, bersatu padu dan berakhlak mulia sejajar dengan tuntutan Islam," jelasnya.

Beliau yang juga Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut percaya penganjuran program berkenaan akan memberikan pelbagai manfaat kepada para peserta, khususnya



KEMPEN Kebersihan Masjid Kampung Sungai Besar sempena memperingati Sambutan Maal Hijrah yang diadakan di masjid berkenaan (atas dan bawah), manakala gambar kiri, antara yang hadir menyertai sesi bergambar ramai.

dalam memperkukuhkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan penduduk kampung.

Sementara itu, Penasihat II Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman berharap program berkenaan dapat membantu menanam rasa cinta terhadap masjid serta memupuk budaya menjaga kebersihan dalam kalangan masyarakat.

"Melalui kempen seperti ini, kita

bukan sahaja membersihkan kawasan masjid, tetapi juga memperkukuhkan hubungan sesama penduduk dan menyemai nilai kerjasama yang menjadi asas kepada sebuah komuniti yang harmoni," ujarnya.

Turut hadir dan menyertai kempen berkenaan ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram; serta Ahli Majlis Perundingan Kampung, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah, belia dan beliawanis dari Masjid Kampung Sungai Besar.



Sebuah syarikat dikenakan kompaun



UNIT Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong mengeluarkan kompaun terhadap sebuah premis kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 (atas dan kanan).

TUTONG, Khamis, 18 Jun. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah premis kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021.

Hari-Hari Maju Enterprise telah

dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000 di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh 7 hari. Premis berkenaan melakukan kesalahan di kawasan tanah lapang (hutan) Jalan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

Pengiran Haji Ahmad, Pekan Tutong.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari daripada tarikh kompaun dikeluarkan maka premis tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000.

Dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat pemaju dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



Miliki rokok : Lelaki tempatan didenda

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Jun. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND18,970 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Mohammad Ikmal bin Mohammad Shaiful Baharin, 28 tahun, di Mahkamah Majistret hari ini.

Defendan mengaku bersalah memiliki 18 karton dan 11 paket rokok pelbagai jenis tanpa permit yang sah. Defendan ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Cawangan Bandar Seri Begawan di sebuah rumah kawasan Kampung Selayun, Sengkuring pada 11 Disember 2024, pukul 12.57 pagi.

Kesemua barang-barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan pelupusan.



UTAMAKAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA



PEMERIKSAAN yang dijalankan di sebuah tapak kerja pembinaan yang terletak di Lebuhraya Tungku, Bandar Seri Begawan.

TUNGKU, Jumaat, 19 Jun. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) mengumumkan bahawa tindakan penguatkuasaan telah diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan di sebuah tapak kerja pembinaan yang terletak di Lebuhraya Tungku,

Bandar Seri Begawan.

Tindakan penguatkuasaan tersebut adalah berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi Peraturan 5, Pemberi Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pertolongan Cemas).

Sehubungan itu, satu denda kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan dan telah diselesaikan sepenuhnya.

Susulan daripada pemeriksaan tersebut, pihak yang bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil langkah-langkah pembetulan yang perlu bagi menangani ketidakpatuhan yang dikenal pasti.

SHENA menegaskan dan menyarankan semua pihak bahawa pematuan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Bab 277 serta peraturan-peraturan subsidiarinya adalah diwajibkan pada setiap masa.

Mana-mana *occupier* yang bertanggungjawab ke atas premis yang gagal mematuhi Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Pertolongan Cemas) adalah melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000.

SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

sesuai mengikut peruntukan pekerja, orang awam dan alam undang-undang bagi melindungi sekitar.



Sebuah tapak pembinaan kena denda kompaun

Pastikan patuhi peraturan keselamatan, kesihatan di tempat kerja



AUTORITI Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar membuat pemeriksaan yang dijalankan di sebuah Tapak Kerja Pembinaan yang terletak di Kampung Kiulap, Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Jun. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dalam siaran akhbar memaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan baru-baru ini telah diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan di sebuah Tapak Kerja Pembinaan yang terletak di Kampung Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Tindakan penguatkuasaan tersebut adalah berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi Peraturan 5, Pemberi Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan

Tempat Kerja (Pertolongan Cemas).

Sehubungan itu, satu denda kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan dan telah diselesaikan sepenuhnya.

Susulan daripada pemeriksaan tersebut, pihak yang bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil langkah-langkah pembetulan yang perlu bagi menangani ketidakpatuhan yang dikenal pasti.

SHENA menegaskan dan menyarankan semua pihak bahawa pematuan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Bab 277 serta peraturan-peraturan

subsidiarinya adalah diwajibkan pada setiap masa.

Mana-mana *occupier* yang bertanggungjawab ke atas premis yang gagal mematuhi Peraturan - peraturan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Pertolongan Cemas) adalah melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000.

SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang bagi melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.



PEMERIKSAAN yang dijalankan di sebuah Tapak Kerja Pembinaan yang terletak di Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam, Tutong.

TUTONG, Jumaat, 19 Jun. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dalam siaran akhbar memaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan baru-baru ini telah diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan di sebuah Tapak Kerja Pembinaan yang terletak di Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam, Tutong.

Tindakan penguatkuasaan tersebut adalah berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi Peraturan 4, Penyediaan Peti Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pertolongan Cemas).

Sehubungan itu, denda kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan dan telah diselesaikan sepenuhnya.

Susulan daripada pemeriksaan tersebut, pihak yang bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil

langkah-langkah pembetulan yang perlu bagi menangani ketidakpatuhan yang dikenal pasti.

SHENA menegaskan dan menyarankan semua pihak bahawa pematuan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Bab 277 serta peraturan-peraturan subsidiarinya adalah diwajibkan pada setiap masa.

Mana-mana *occupier* yang bertanggungjawab ke atas premis yang gagal mematuhi Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Pertolongan Cemas) adalah melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000.

SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang bagi melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.

OPERASI MULE BERJAYA MENAHAN SEORANG PENGEDAR DADAH TEGAR

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Jun. - Seorang pengedar dadah tegar tempatan berusia 56 tahun telah ditahan dalam satu serbuan yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) pada pagi 15 Jun 2026 di Kampung Jangsak. Turut ditahan ialah seorang perempuan warga asing berusia 20 tahun.

Menerusi Operasi Mule yang dijalankan, BKN juga berjaya merampas sebanyak 930.05 gram (g) Syabu yang dianggarkan

bernilai BND111,000 dan boleh menampung sekurang-kurangnya 9,000 pengguna dadah; wang tunai berjumlah BND120 dipercayai hasil kegiatan pengedaran dadah; kamera litar tertutup (CCTV) dipercayai digunakan untuk memantau sebarang pergerakan agensi berkuasa di kawasan tempat kediaman; alat untuk membungkus (*packing*) dadah, iaitu plastik lutsinar kecil, gunting dan alat perkakas

untuk menyalahgunakan dadah.

Dalang utama berkenaan pernah dijatuhi hukuman penjara sebanyak tiga kali dan kali terakhir adalah selama 20 tahun dan 15 sebatan atas tiga kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 sebelum dibebaskan pada 2020.

Walau bagaimanapun, beliau masih tidak serik dan terus mengedar dadah tanpa menghiraukan kemusnahan yang dibawa kepada individu, keluarga dan masyarakat. Kegiatan beliau terus berkembang sehingga mempunyai rangkaian yang lebih terancang dengan memperalatkan *runner* atau orang-orang terdekat untuk menyembunyikan dan menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah.

Siasatan awal juga menemukan sejumlah besar wang dipercayai hasil pengedaran dadah, iaitu sebanyak BND56,562 dalam akaun-akaun bank yang digunakan oleh dalang utama termasuk satu akaun milik ibunya yang berusia 87 tahun dan digunakan tanpa pengetahuannya.

Kedua-dua tangkapan operasi berkenaan disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan



ANTARA yang berjaya dirampas semasa Operasi Mule dalam satu serbuan yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik di Kampung Jangsak (atas dan kiri).

memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar dan jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang dirampas, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Dalang utama juga disiasat di bawah Seksyen 3, Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012 (Criminal Asset Recovery Order - CARO).

BKN ingin menegaskan bahawa

usaha menumpaskan sindiket serta individu yang terlibat akan diteruskan tanpa henti sehingga mereka diberkas dan dihadapkan ke muka pengadilan.

Dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan penghargaan terima kasih atas kerjasama dan bantuan pihak-pihak tertentu dalam kerajaan yang membantu menjayakan operasi berkenaan.

Burung Sambar Kusam Biasa

Nama Binatang : Asian Brown Flycatcher

Nama Saintifik : Muscicapa dauurica dauurica

CITES : Tidak tersenarai

IUCN : Kurang Membimbangkan

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

BURUNG Sambar Kusam Biasa, atau Asian Brown Flycatcher. Walaupun bersaiz kecil dan kelihatan sederhana, burung ini memainkan peranan penting dalam keseimbangan alam semula jadi *kitani*.

Burung Sambar Kusam Biasa mempunyai nama saintifik Muscicapa dauurica dauurica dan tergolong dalam keluarga Muscicapidae di bawah order Passeriformes, iaitu kumpulan burung bertenggek. Spesies ini juga dikenali sebagai burung migrasi di rantau ini.

Dari segi rupa, burung ini bersaiz kecil hingga sederhana, dengan panjang sekitar 12 hingga 14 sentimeter dan berat antara 7.8 hingga 16 gram. Burung dewasa mempunyai bahagian atas badan berwarna kelabu-coklat yang semakin kelabu apabila meningkat usia, manakala bahagian bawahnya keputihan dengan sisi berwarna coklat. Paruhnya pula gelap dan agak lebar di pangkal, sesuai untuk menangkap serangga di udara. Burung muda pula mempunyai bahagian atas badan dengan tompok-tompok cerah, manakala bahagian bawahnya lebih putih dengan corak bersisik pada bahagian kepala dan dada.

Burung ini membiak di Asia Utara dan berhijrah ke Asia Tenggara semasa musim sejuk. Ia boleh ditemui di pelbagai habitat termasuk kawasan hutan, kawasan terbuka serta kawasan pertanian.

Semasa musim pembiakan, burung ini bersifat *teritorial*. Ia membina sarang berbentuk cawan menggunakan bahan seperti liken, rumput, bulu, serat tumbuhan dan sarang labah-labah. Sarang biasanya dibina pada ketinggian antara 2 hingga 13 meter dari permukaan tanah.

Burung betina akan bertelur sekitar dua hingga empat biji dan mengeram telur tersebut, manakala burung jantan membantu memberi makan kepada anak-anaknya sehingga mampu berdikari.

Burung ini biasanya boleh ditemui di kawasan hutan semula jadi, termasuk hutan dipterokarpa. Namun, semasa musim migrasi, ia boleh dilihat di pelbagai habitat lain termasuk kawasan berhutan dan juga kawasan terbuka.

Dari segi pemakanan, burung Sambar Kusam Biasa boleh dianggap sebagai omnivor. Ia memakan pelbagai jenis serangga, invertebrata kecil, dan juga buah-buahan.

Cara burung ini memburu juga cukup menarik. Ia akan bertenggek diam di dahan pokok yang terdedah, seolah-olah sedang memerhati keadaan sekeliling. Apabila mangsa lalu, ia akan terbang dengan pantas, menangkap serangga di udara, dan kembali semula ke tempat asalnya.

Keunikan burung ini terletak pada sifatnya sebagai spesies migrasi, yang melakukan perjalanan jauh antara Asia Utara dan Asia Tenggara setiap tahun. Semasa musim mengawan pula, burung jantan akan memberi makanan kepada burung betina sambil mengeluarkan bunyi panggilan yang ringkas tetapi

merdu.

Dari segi pemuliharaan, burung Sambar Kusam Biasa tidak disenaraikan di Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (CITES) dan di Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam (IUCN), sebagai 'Kurang Membimbangkan' (Least Concern). Ini bermaksud populasinya masih stabil dalam ekosistem *kitani*.

Walaupun kecil, burung ini memainkan peranan penting dalam ekosistem dengan membantu mengawal populasi serangga serta menyokong keseimbangan alam semula jadi.

Dari segi pemuliharaan, burung ini tidak disenaraikan di bawah CITES dan dikategorikan sebagai 'Kurang Membimbangkan' di bawah Senarai Merah IUCN, yang menunjukkan populasinya masih stabil.

Kepentingan melindungi burung Sambar Kusam Biasa bukan sahaja terhad kepada alam sekitar, malah turut memberi manfaat kepada ekonomi dan sektor ekopelancongan negara.

Sebagai pengawal perosak semula jadi, burung ini membantu mengurangkan populasi serangga terbang serta perosak pertanian. Ini secara tidak langsung menyokong keseimbangan ekosistem di hutan, taman dan kawasan ladang.

Menariknya, kehadiran burung ini juga menjadi petunjuk kepada tahap kesihatan sesuatu kawasan. Jika burung ini ditemui di sesuatu persekitaran, ini menunjukkan kawasan tersebut mempunyai habitat yang hijau serta kaya dengan sumber makanan semula



Sumber Foto : Ian Anyhony Echual (B04 - 005 – 235) BWPC 2022, JPH

jadi.

Selain itu, burung ini juga berpotensi menarik minat pelancong dan pencinta alam melalui aktiviti seperti pemerhatian burung, pendidikan alam sekitar dan penyelidikan. Pada masa yang sama, ia membuka peluang kepada komuniti setempat untuk terlibat sebagai pemandu ekopelancongan.

Secara keseluruhannya, pemeliharaan spesies ini bukan sahaja memastikan kelangsungan hidupan liar, malah turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara serta kesejahteraan generasi akan datang.

Kami berharap perkongsian ini telah menarik minat *biskita* untuk mengenali Burung Sambar Kusam Biasa - bukan sahaja unik dan

menarik, malah memainkan peranan penting dalam ekosistem *kitani*.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dalam edisi seterusnya, di mana kami akan membawa *biskita* mengenali pelbagai lagi spesies hidupan liar negara *kitani* yang mengagumkan dan penuh keunikan.

Marilah *kitani* bersama-sama menghargai dan memelihara hidupan liar negara *kitani*.

Bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.borneo*.

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan Kitani...'


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
06 / 2026 / PPB / KKBS / 01

Tajuk Tawaran:
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun
Bagi Membekal, Menghantar,
Menyajikan Makanan
Dan Minuman Bagi
Pelatih-Pelatih Sesi
Pengambilan 2026
Sehingga 2029 Serta
Menyediakan Sajian
Lawatan Dan Majlis
Di Pusat Pembangunan Belia,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Jun 2026


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Jualan Secara Sebut harga Bagi
1 Lot Harta Benda Kerajaan**

**Tawaran Pembelian &
Pengangkutan
Barang Yang Dihapuskan
Dari Kira-Kira
Kementerian Pertahanan**

Rujukan:
MINDEF / DFA / MWOC / L / 1
(02/2026)

**Tarikh Tutup
Pembelian Borang:**
Rabu,
24 Jun 2026
Tidak lewat
Jam 11.30 Pagi.

**Tarikh Tutup
Menghantar Borang:**
Rabu,
1 Julai 2026
Tidak lewat
jam 10.00 Pagi.



**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU /
MED / TA / 6010

Pembelian Vaksin-Vaksin Bagi
Khidmat Perubatan Dan
Kesihatan,
Tentera Darat
Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
**seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa,
30 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 /
GCAU / GSU / TA / 6006
Purchase Of Uniform And
Accessories/Clothing For
Gurkha Other Rank (Gor)
Recruitment 2026

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang
Tawaran adalah
**seminggu
sebelum tarikh tutup
tawaran,
iaitu Isnin,
22 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 /
LSAU / TD / TA / 01
Penyewaan Alat Kelengkapan
Sound System, Lighting & LED
Screen Bagi Majlis Santap
Sempena Ulang Tahun Hari
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah
Ke-80 Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah seminggu
sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
**Selasa,
16 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Jun 2026
2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam
3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM /
11 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan
Sistem Hawa Dingin Di Bangunan
Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive, Untuk
Tempoh Dua (2) Tahun (2026)

Yuran Tawaran:

BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V


Kategori:
M01
**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 12 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Sistem
Hawa Dingin Di Rumah-Rumah
F22, F23, F23A, F25, F29, F30
dan F31, Assarra

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 13 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Bagi
Sistem 'DX Package Unit' dan
'Ducting' Di Rumah-Rumah A, B



dan C, Assarra

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01


**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 14 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Hawa Dingin Di
Muzium Alat Kebesaran Diraja,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
06 / 2026 / 2027
The Demolition, Removal &
Dismantling Of Buildings And
Structure For Department Of Town
And Country Planning
Department, Ministry Of
Development,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Sabtu,
6 Julai 2026
Sebelum jam
2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Kelas:
II atau III atau IV

Kategori:
KPB12

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa,
23 Jun 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
30 Jun 2026
Sebelum Jam
2.00 Petang

JASTRE / BL / T025 / 2025 (R)
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap Di Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Menuju
Jambatan Edinburgh Termasuk
Jalan Makam Kubah Diraja Dan
Batu Satu Interchange,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun

No. Projek:
JASTRE / BL / T025 / 2025 (R)

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Non Refundable)



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
(01-2026) JAPEM / KRK /
TEN / HARIAN
Pembekalan Barang Keperluan
Harian Bagi Residen Kompleks
Rumah Kebajikan (KRK)
Untuk Tempoh 24 Bulan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran
JPE / LTK / PSP / 006 / 2026
Infrastruktur Luaran Bagi
Kawasan Industri Tanjung Kajar,
Kampung Tanah Jambu

Harga Dokumen:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Mempunyai Pendaftaran
Syarikat Dengan Kementerian
Pembangunan Dalam Kelas IV,
V Atau VI Sahaja
Dalam Kategori E03 Dan
Mempunyai Pekerja Yang
Berdaftar Dengan JPE Dalam
Kategori E03

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2026
To Design, Supply And Install
HDPE Seawater Intake Pipeline
Extension With Anchoring System,
Including Integration To Existing
Intake At Meragang Site

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDBM / Q / 21 / 2026

Tawaran:
Penyewaan Dan Pemasangan
Platform Laluan Khemah Taman
Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin
Sempena Majlis Keberangkatan
KDYMM Beramah Mesra Bersama
Rakyat Bagi Daerah Brunei Dan
Muara.

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 22 / 2026

Tawaran:
Membekal Dan Memasang Label
Pada Khemah Sempena Majlis
Keberangkatan KDYMM Beramah
Mesra Bersama Rakyat Bagi
Daerah Brunei Dan Muara.

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Jun 2026



**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,
DIVISYEN PENGURUSAN
KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q07
Invitation To Supply And Delivery
Of Intermediate Transfer Belt
Maintenance Kit And Fuser Kit For
HP Laserjet Color M751dn Printer
For Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin, 22 Jun 2026

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**
Khamis,
9 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
13 Julai 2026
Jam sebelum 9.00 pagi



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

**MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSQR 2.0**
(www.recruitment.gov.bn)
2. **Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pengiktirafan / sijil / sijil kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
(keputusan / pengiktirafan / sijil / sijil kelulusan)
4. **Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"**
di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat**
(keputusan / pengiktirafan / sijil / sijil kelulusan)

Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Talian Whatsapp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PENOLONG PENGARAH PEJABAT PERANCANGAN TENAGA MANUSIA JABATAN PERDANA MENTERI KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/JUN/04/JPM	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	27 JUN 2026
2. PENOLONG PENYELIA UJIAN MEMANDU JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/JUN/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	27 JUN 2026
3. PEKERJA AM TINGKAT I KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/JUN/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	02	7(A)	29 JUN 2026

PERATURAN 7(A) LUAR BIDANG KUASA:
Dibuka kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. REKRUT KONSTABEL POLIS LELAKI PASUKAN POLIS SIMPANAN 'C' KOMPENI (POLIS HUTAN) POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI PD.1 (BAHAGIAN V) 2026/JUN/05/JPM	POLIS DIRAJA BRUNEI	7(A) LUAR BIDANG	27 JUN 2026

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH DIKEMUKAKAN KEPADA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI SEPERTI BERIKUT:
ALAMAT: UNIT PENGAMBILAN, PUSAT LATIHAN POLIS, NO. D.4, BLOK D, FLAT SPO PUSAT LATIHAN POLIS, GADONG, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM
EMEL: Pengambilan.Ppsb@police.gov.bn

- PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DI PEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Perseh Semalar Bilan

Bilangan Bilan: 2022/08/01

Jawatan: PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II

Kementerian: KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Jabatan: PUSAT SEARAH BRUNEI

Unit: 05 SEPTEMBER 2021

Tarikh Tutup: 15

SKIM IKLAN


**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Pemberitahuan Tawaran
Bilangan dan Tajuk Tawaran:

RTB / 01 / 2026

The Leasing Of High-Performance
Graphic Editing Computer
Workstations With Related
Software And Services For Radio
Television Brunei For A Period
Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:

BND50.00

(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang


Notis Sebut Harga
**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 21 / 26-27

Percetakan Dan Pembekalan
Custom Designed Pen Dan
Custom Designed Fan With
Pouch Untuk Cenderamata
Responden Kajian

Bayaran Yuran:

BND5.00

 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:

BND5.00

 (jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
JPt / SH / 25 / 2026-2027

To Supply and Deliver Sample
Extraction and Analyses
Consumables For Chemical and
Drug Residue Laboratory

JPt / SH / 26 / 2026-2027

To Perform Preventive
Maintenance For Equipment In
Clinical Chemistry and
Microbiology Laboratories

JPt / SH / 27 / 2026-2027

Provision Of Maintenance
Services For The Department Of
Agriculture and Agrifood Telemetry
System For 1 Year

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
9 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Borang Sebut Harga:

BND7.00


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
Tawaran:

JPH / 2105 / TAW / 412 /

2026 – 2027

Membekal Dua (2) Unit Kereta
Pacuan Empat Roda (4WD)
Double Cab Vehicle Bagi
Kegunaan Jabatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**

BND10.00

Borang Tawaran:

BND15.00

Yuran Tawaran:

BND30.00

-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Tawaran:

30 Jun 2026
2.00 petang


KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
Kantin**
**1. DA / JKSH / 49 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:

Sekolah Rendah Keriam

Daerah Tutong

 Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:

BND155.00 Sebulan

**2. DA / JKSH / 50 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bag :

Sekolah Rendah Amo

Daerah Temburong

 Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:

BND80.00 Sebulan

**3. DA / JKSH / 51 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bag :

Sekolah Rendah Raja Isteri

Fatimah

Daerah Brunei Muara

 Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:

BND116.00 Sebulan

**4. DA / JKSH / 52 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:

Sekolah Rendah Lambak Kanan,

Jalan 49

Daerah Brunei Muara

 Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:

BND437.00 Sebulan

**5. DA / JKSH / 53 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:

Sekolah Menengah
Sayyidina Husain
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:

BND762.00 Sebulan

**6. DA / JKSH / 54 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:

Sekolah Menengah Masin

Daerah Brunei Muara

 Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.

 Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:

BND584.00 Sebulan

**7. DA / JKSH / 55 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:

Sekolah Rendah Lumut

Daerah Belait

 Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:

BND150.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:

BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:

Sabtu,
4 Julai 2026
(Jam 9.00 Pagi)


**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**
Bilangan Rujukan:

JBBSB / SH / 2026 – 2027 /

17 / SPA / 12

Tajuk Sebut Harga:

Supply And Install Pebble Wash
Stone At Sidewalk Jalan
Sultan Omar Ali Saifuddien

Hari, Tarikh Dan
Jam Tutup:

Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang


Bilangan Rujukan:

JBBSB / SH / 2026 – 2027 /

16 / SPA / 11

Tajuk Sebut Harga:

Tawaran Bagi Pembaikan Trak
Sampah Dan Trak Sweeper Bagi
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:

Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
10 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
30 Jun 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 26 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap
Semula Jalan Utama

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran
Dilanjutkan Sehingga :**
23 Jun 2026
(Selasa)

**Tarikh Tutup
Dilanjutkan Pada:**
21 Julai 2026
(Selasa)

Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem
Pam Saliran Di Jalan Bunga
Simpur (PS2),
Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/
002-003-004

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 08

Tajuk Tawaran:
Brunei Coffee Trail 2026
In Kota Kinabalu,
4th – 6th September 2026
At Sabah International Expo

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam:
Companies Registered
With ROCBN (MOFE)
In ICT Field**

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
3 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang,
Selasa,
23 Jun 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang,
Selasa,
30 Jun 2026

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 25 / 2026

Nama Projek:
Pemasangan Sistem
Keselamatan Penggera
Di Jambatan Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddin
(SHOAS).

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran dan
Tajuk Tawaran:**
JAPEM / UPE-TC 2026-2028 /
CLGC / PPS (BELIMBING
SUBOK) / PGS
Perkhidmatan Pembersihan Dan
Pemotongan Rumput Di Pusat
Penempatan Sementara (PPS)
Belimbing Subok
Jabatan Pembangunan
Masyarakat Bagi
Tempoh 2 Tahun

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 petang



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

1. JPt / SH / 08(A) / 2026 - 2027
Replacement, Installation and
Commissioning of One (1) Unit
Compressed Air Generator For
Shimadzu AAS-7000

2. JPt / SH / 28 / 2026 - 2027
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Pembaikan Kerosakan Ke Atas
Paip-Paip Utama dan
Pembahagian Pengairan Di
Kawasan Kemajuan Pertanian
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun

3. JPt / SH / 29 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Pemeliharaan Jalan
Ladang Di Kawasan
Kemajuan Pertanian
(KKP)
Daerah Brunei Muara

4. JPt / SH / 30 / 2026 - 2027
Membekal Dan Menghantar Media
Kit Dan Consumables Untuk
Makmal Mikrobiologi

5. JPt / SH / 31 / 2026 - 2027
Term Contract For Comprehensive
Maintenance Of Plumbing And
Sanitary Systems Including
Associated Works At Department
Of Agriculture And Agrifood
Buildings For A Period Of Two
(2) Years.

6. JPt / SH / 32 / 2026 - 2027
Soil Investigation Works As
Preliminary Works For The
Proposed Electrical Infrastructure
At Kawasan Kemajuan Pertanian
Labu Estate

7. JPt / SH / 33 / 2026 - 2027
Pump Operation Services At
Imang Dam Irrigation Station,
Kg Panchor Murai,
Brunei Muara District
For One (1) Year

Tarikh Tutup:
Khamis,
23 Julai 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00



JPt / TAW / 03 / 2026 - 2027:
Membekal Perkhidmatan
Pengawal Keselamatan Bagi
Kawasan dan Bangunan Ibu
Pejabat Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan Selama Dua
(2) Tahun.

(Yuran Tawaran: BND30.00
Borang Tawaran: BND15.00)

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Julai 2026.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Bilangan Tawaran:
(45) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Buku Himpunan
Titah 2025

2. Bilangan Tawaran:
(46) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Sijil dan
Back Cover Sijil
Jabatan Penerangan

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
'Health Check For Voice
Communication, Backup Voice
Communication, And Voice
Recording Systems For The Air
Traffic Services Centre Of Civil
Aviation'
ATELS / 2026 / LTK-02

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Isnin, 29 Jun 2026

Tarikh Tutup:
30 Jun 2026, Selasa



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123




كمنتيرين كصاحتين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



Program
Pemeriksaan
Kesihatan
Kebangsaan

PENYAKIT KARDIOVASKULAR



DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Fahami risiko awda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



GAYA HIDUP MODEN, CABARAN MAKANAN SEIMBANG

Teknologi memudahkan hidup, tetapi pilihan makanan kita menentukan kesihatan masa depan.



GAYA HIDUP TIDAK AKTIF

Lebih banyak masa dihabiskan duduk di depan skrin.



KETAGIHAN GADGET

Kurang aktiviti fizikal dan gangguan tidur.



JADUAL PADAT

Komitmen lain menyebabkan kurang pengambilan makanan sihat.

PESAN DALAM TALIAN

Mudah, cepat, tetapi sering kurang sihat.

CABARAN MAKANAN SEIMBANG



MAKANAN TINGGI KALORI

Makanan segera, bergoreng dan minuman manis tinggi lemak, gula dan garam.



PILIHAN TIDAK SIHAT

Mudah didapati, murah dan sedap menyebabkan kita tergoda.



KURANG PENGAMBILAN SAYUR DAN BUAH

Kurang serat, vitamin dan mineral penting.



RISIKO KESIHATAN

Boleh menyebabkan obesiti, diabetes, darah tinggi dan penyakit jantung.



TEKANAN DAN TIDUR TIDAK MENCUKUPI

Menjejaskan hormon selera makan dan tabiat pemakanan.

PIRING MAKANAN SEIMBANG

SAYUR-SAYURAN

Makan lebih banyak sayur dan ulam.

BUAH-BUAHAN

Makan pelbagai jenis buah.



BIJIRIN PENUH

Pilih bijirin penuh seperti beras perang, oat dan roti.

PROTEIN

Pilih sumber protein rendah lemak seperti ikan, ayam tanpa kulit, kekacang dan tahu.



MINUM AIR KOSONG

Lebih baik daripada minuman manis.

AMALKAN TABIAT SIHAT



Bersenam sekurang-kurangnya 30 minit sehari.



Minum air kosong secukupnya.



Pilih makanan segar dan seimbang.



Tidur cukup 6-8 jam sehari.

Pilih makanan seimbang hari ini, demi kesihatan yang lebih baik esok. ❤️

Gaya hidup moden, cabaran makanan seimbang

Rencana dan Ilustrasi : Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh,
Penempatan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali
di Bahagian Pelita Brunei

ZAMAN yang serba canggih ini sememangnya membuatkan diri kita menjadi sibuk dengan hal ataupun aktiviti harian demi mengejar masa dan mencapai matlamat yang diinginkan dalam waktu yang tepat. Dalam era moden ini, banyak perubahan yang dapat kita rasakan dengan pelbagai kemudahan yang telah disediakan untuk keselesaan kita termasuklah bermacam-macam produk makanan. Justeru, pelbagai rintangan yang dihadapi oleh masyarakat dalam pengambilan pemakanan seimbang dan tidak diambil berat serta tidak menghiraukan tentang kesihatan tubuh badan malah hanya mengambil makanan untuk mengisi perut yang kosong sahaja.

Kesan tidak mengambil pemakanan seimbang

Individu yang tidak menghiraukan tentang kesihatan tubuh badan disebabkan kesibukan yang berterusan akan mengabaikan penjagaan makanan yang seimbang dan hanya memandangkan sebelah mata sahaja boleh membawa kepada gangguan kesihatan fizikal dan mental. Tambahan pula, ia membawa kepada penyakit yang berisiko seperti diabetes dan obesiti serta berlainan penyakit yang boleh menjejaskan kesihatan jika tidak diambil perhatian yang penuh. Individu yang kurang mengambil makanan yang berkhasiat akan mudah berasa letih dan kurang bertenaga untuk melakukan aktiviti harian. Di samping itu, pengambilan makanan yang tidak seimbang boleh menjejaskan kesihatan mental dan emosi

seseorang. Hal ini kerana tubuh badan yang tidak sihat boleh menyebabkan tekanan dan kurang keyakinan diri. Selain itu, kos rawatan juga akan semakin meningkat jika seseorang itu sering mengalami masalah kesihatan.

Cabaran gaya hidup moden

Gaya hidup yang moden menjadi cabaran diri kita untuk mengawal kesihatan tubuh badan disebabkan masa yang terhad dalam membuat keputusan yang tepat. Kekangan masa dalam membuat pilihan makanan yang sihat menjadi punca tidak mengambil pemakanan yang seimbang. Disebabkan alasan kesibukan, segelintir masyarakat mengambil jalan singkat seperti mengambil makanan segera sebagai satu alasan untuk menjimatkan masa.

Sementara itu, pelbagai pilihan menu makanan baharu yang menarik perhatian orang ramai kerana ingin tahu tentang cita rasa dan kelazatan makanan baharu. Kurang pemerhatian terhadap khasiat makanan membuatkan seseorang itu tidak menghiraukan kesannya terhadap kesihatan tubuh badan lantas mengambil pemakanan secara berterusan tanpa mengetahui khasiatnya boleh menyebabkan tercetusnya berbagai penyakit kerana bahan campuran makanan boleh menjadi punca timbulnya penyakit yang menjejaskan kesihatan tubuh badan dan ada yang sehingga nyawa menjadi taruhan.

Pilihan makanan yang tepat

Pengambilan pemakanan yang seimbang

adalah mustahak untuk menjaga kesihatan tubuh badan diri kita sendiri. Ini kerana gaya hidup yang sibuk menyebabkan ramai individu gemar dalam mengambil makanan segera kerana ia mudah untuk didapati dan cepat disediakan. Namun begitu, makanan seperti ini boleh menjejaskan kesihatan jika diambil secara berlebihan. Antara pengambilan makanan yang seimbang ialah mengutamakan makanan berkhasiat seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan sebagainya yang memberi kesan yang baik terhadap tubuh badan. Di samping itu, masyarakat moden perlu mengamalkan jadual makan yang teratur dan tidak mengambil secara berlebihan. Penyediaan makanan di rumah juga dapat membantu mengawal kandungan nutrisi dalam pemakanan. Senaman dan aktiviti fizikal turut perlu dilakukan supaya kesihatan tubuh badan sentiasa terpelihara. Selain itu, kita juga perlu mengurangkan pengambilan makanan yang mengandungi terlalu banyak gula, garam dan lemak dan sentiasa meminum air kosong yang mencukupi untuk memastikan badan kekal sihat dan segar.

Pusat Promosi Kesihatan

Pusat Promosi Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan, telah menyediakan pelbagai program dan aktiviti bagi bersama menjaga kesihatan masyarakat. Ini menjadi kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan pada zaman serba moden ini walaupun pelbagai rintangan yang dihadapi dalam pengambilan pemakanan yang seimbang. Pemeriksaan kesihatan hendaklah dibuat untuk menjaga kesihatan tubuh badan dan

menjadi pencegahan awal bagi menjauhi diri daripada penyakit berbahaya. Selain itu, Pusat Promosi Kesihatan juga ada memaparkan peringatan tentang pilihan makanan yang sihat dan tepat melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan sebagainya. Inisiatif ini adalah bagi menyebarkan tentang pentingnya menjaga pemakanan yang seimbang dalam gaya hidup yang penuh cabaran ini melalui teknologi terkini. Program atau kempen kesedaran mengenai bahaya penyakit obesiti memberi kesedaran terhadap masyarakat awam tentang kepentingan menjaga pemakanan dan sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Kesimpulan

'Mencegah lebih baik daripada mengubati', dalam gaya hidup yang moden ini haruslah mengambil langkah berjaga-jaga kerana penyakit boleh menyerang tubuh kita bila-bila masa dan tanpa kita sedari dari berbagai aspek. Masyarakat moden kini sering terikat dengan kesibukan aktiviti harian yang menyebabkan kurangnya masa untuk mengambil pemakanan sihat dan pengaruh makanan segera yang mudah diperoleh. Selain itu, penggunaan teknologi dan budaya hidup yang kurang aktif turut menyumbang kepada amalan pemakanan yang tidak sihat dan seimbang. Jika keadaan ini tidak dibendung, pelbagai masalah kesihatan boleh berlaku tidak mengira waktu dan tempat. Oleh itu, setiap individu perlu lebih bijak mengurus masa, memilih makanan yang berkhasiat serta mengamalkan gaya hidup yang sihat agar kesejahteraan diri dan keluarga dapat terpelihara.

PGGMB ANJUR SAMBUTAN ILAL HIJRAH, DOA KESYUKURAN



YANG Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448H (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Jun. - Tahun Baharu 1448 Hijrah wajar disambut dengan penuh kesyukuran dan penghayatan terhadap makna hijrah yang sebenar. Kedatangan Tahun Baharu Islam ini seharusnya menjadi pemangkin kepada semangat kesungguhan, kecemerlangan, kejayaan dan wawasan diri dalam usaha mencapai kesejahteraan hidup sepanjang tahun.

Bagi memeriahkan dan menyemarakkan Tahun Baharu 1448 Hijrah, Persekutuan

Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) hari ini mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448H yang turut diserikan dengan Majlis Doa Kesyukuran Kepulungan Jemaah Haji dalam kalangan Ahli-ahli PGGMB serta Penyampaian Derma Kebajikan kepada ahli-ahlinya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri. Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua PGGMB, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohammad dan

Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong.

Turut hadir, Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abdul Rahman; Pemangku Setiausaha Kewangan PGGMB, Awang Haji Superi bin Haji Ibrahim; Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PGGMB, Guru-guru Besar Sekolah-sekolah PGGMB, penerima bantuan kebajikan PGGMB, para jemaah haji dan ahli-ahli serta kakitangan PGGMB.

Pada majlis tersebut, seramai 13

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

Ahli PGGMB menerima bantuan kebajikan dan lima jemaah haji PGGMB selamat menunaikan ibadah haji. Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Abdul Hakeem bin Haji Suleiman.

Majlis diteruskan dengan ceramah bertajuk 'Tanda-tanda Haji yang Mabru' yang disampaikan oleh Pegawai

Perkembangan Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa.

Acara turut diserikan dengan Dikir Marhaban dan penyampaian derma kebajikan kepada para penerima serta Majlis Doa Kesyukuran Kepulungan Jemaah Haji PGGMB yang dipimpin oleh Awang Haji Rusli bin Haji Md. Salleh.

Demam Piala Dunia kembali menghangat

Rencana : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Ilustrasi : Syahi Haji Ludin

SETIAP kali tirai Kejohanan Piala Dunia dibuka, suasana di seluruh dunia seolah-olah berubah. Sorakan penyokong, perbincangan mengenai pasukan pilihan, ramalan keputusan perlawanan serta kemeriahan menghiasi kedai-kedai kembali menjadi fenomena yang dinanti-nantikan. Selepas empat tahun penantian, demam Piala Dunia sekali lagi melanda masyarakat global, sekali gus menyatukan jutaan manusia tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang.

Piala Dunia bukan sekadar sebuah kejohanan bola sepak, malah merupakan satu peristiwa sukan terbesar yang mempunyai pengaruh besar terhadap budaya, ekonomi dan hubungan sosial masyarakat. Daripada kanak-kanak hingga golongan dewasa malahan warga emas sekalipun turut mempunyai pasukan kegemaran dan pemain idola masing-masing yang menjadi perhatian sepanjang kejohanan berlangsung.

Keistimewaan Piala Dunia terletak pada kemampuannya untuk menyatukan masyarakat dunia. Ketika perlawanan berlangsung, berjuta-juta pasang mata tertumpu kepada gelanggang bola sepak yang menjadi medan pertembungan antara negara-negara terbaik dunia. Bendera negara dikibarkan dengan penuh kebanggaan, lagu kebangsaan dinyanyikan dengan penuh semangat, manakala para penyokong memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada pasukan kesayangan masing-masing.

Di negara-negara yang bertanding, suasana sambutan menjadi lebih luar biasa. Jalan-jalan dihiasi dengan warna pasukan kebangsaan, orang ramai berkumpul di kawasan tontonan awam, manakala media sosial pula dibanjiri dengan perbincangan

mengenai aksi pemain, keputusan perlawanan dan detik-detik menarik sepanjang kejohanan.

Malah, negara-negara yang tidak menyertai kejohanan tersebut turut merasai kehangatan Piala Dunia. Ramai peminat bola sepak memilih untuk menyokong pasukan antarabangsa berdasarkan sejarah kejayaan, corak permainan mahupun minat terhadap pemain tertentu.

Fenomena Piala Dunia turut mencetuskan pelbagai trend dalam kalangan masyarakat, termasuk kembalinya kegilaan mengumpul buku pelekat (*sticker*) pemain. Buku pelekat yang memaparkan gambar pemain daripada pasukan yang bertanding kembali menjadi buruan, khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan golongan muda. Aktiviti mengumpul, menukar serta melengkapkan koleksi pelekat bukan sahaja menjadi hobi yang menyeronokkan, malah mampu mengeratkan hubungan sesama peminat bola sepak.

Di Negara Brunei Darussalam, buku pelekat dan pelekat pemain ini juga telah mula dijual di salah sebuah kedai seperti Connex. Buku pelekat tersebut ditawarkan pada harga BND16 senaskah, manakala setiap pek pelekat dijual pada harga BND2.20. Kehadiran produk ini memberi peluang kepada peminat bola sepak di negara ini untuk turut serta merasai kemeriahan dan semangat Piala Dunia melalui aktiviti mengumpul pelekat pemain kegemaran mereka.

Kehangatan trend tersebut turut dimanfaatkan oleh para peniaga yang tampil dengan pelbagai promosi dan tawaran menarik bersempena Piala Dunia. Kedai-kedai, pasar raya serta premis perniagaan mula menghias ruang jualan



dengan tema bola sepak, selain menawarkan hadiah, potongan harga dan pakej istimewa yang berkaitan dengan kejohanan tersebut.

Perkembangan teknologi pula telah mengubah cara masyarakat menikmati Piala Dunia. Jika dahulu peminat hanya bergantung kepada siaran televisyen dan laporan akhbar untuk mengikuti perkembangan kejohanan, kini pelbagai maklumat dapat diperoleh dengan pantas melalui platform digital. Media sosial, aplikasi mudah alih dan perkhidmatan penstriman secara langsung membolehkan peminat mengikuti keputusan perlawanan, berita terkini serta berkongsi kegembiraan bersama penyokong dari seluruh dunia.

Walaupun kemeriahan Piala Dunia membawa kegembiraan dan keterujaan kepada para peminat, masyarakat perlu memastikan minat terhadap kejohanan ini tidak bertukar menjadi ketaksuban. Semangat menyokong pasukan kegemaran hendaklah disertai dengan sikap matang

dan rasional, menghormati perbezaan pilihan pasukan serta mengelakkan perbuatan yang boleh mencetuskan pertelingkahan sesama penyokong.

Pada masa yang sama, trend mengumpul buku pelekat pemain sebagai sebahagian daripada budaya Piala Dunia juga wajar dilakukan secara sederhana. Hobi tersebut sememangnya menyeronokkan dan mampu mengeratkan hubungan sesama peminat sepak bola, namun setiap individu perlu bijak mengurus perbelanjaan serta mengelakkan pembelian secara berlebihan sehingga membawa kepada pembaziran.

Akhirnya, Piala Dunia harus dilihat sebagai sebuah pesta sukan yang menyatukan masyarakat dunia melalui semangat kesukanan, persahabatan dan kegembiraan. Kemeriahan yang tercipta sewajarnya dinikmati dengan penuh kesederhanaan agar minat terhadap bola sepak terus menjadi medium yang positif dalam mengeratkan hubungan masyarakat.



ÉVIAN (REPUBLIK PERANCIS), 18 Jun. - Presiden Republik Perancis, Emmanuel Macron pada Rabu menggesa peraturan antarabangsa yang lebih kukuh bagi Kecerdasan Buatan (AI),

MACRON GESA PERATURAN GLOBAL AI LEBIH KUKUH

sambil memberi amaran bahawa kesannya terhadap masyarakat demokratik tidak lagi boleh dipandang ringan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Kita semua mahu memanfaatkan peluang, meningkatkan produktiviti, perubahan serta penambahbaikan dalam bidang kesihatan dan pendigitalan yang

mampu dibawa oleh AI. Namun, tiada siapa lagi boleh mengabaikan kesan AI terhadap demokrasi dan masyarakat kita," kata Macron pada penutup Sidang Kemuncak G7 di Évian. Beliau menegaskan bahawa peraturan di peringkat antarabangsa diperlukan.

Berlatarbelakangkan tindakan syarikat Anthropic baru-baru ini

yang diarahkan oleh kerajaan Amerika Syarikat (AS) untuk menghadkan akses warga asing kepada beberapa model AI paling canggih miliknya, Macron menggesa kerjasama lebih erat antara negara-negara demokrasi. Beliau berkata peraturan yang lebih baik terhadap sistem AI canggih diperlukan "bagi mengelakkannya daripada jatuh

ke tangan rejim autoritarian atau individu yang boleh mengancam keselamatan siber atau masyarakat kita".

Macron berkata beberapa kuasa demokrasi akan mula membangunkan platform kerjasama yang bertujuan mewujudkan piawaian bersama AI, termasuk dalam bidang keselamatan siber. - ©BERNAMA

Republik Singapura perkenal inisiatif S\$48 juta perkasa penghasilan kandungan digital

REPUBLIK SINGAPURA, 18 Jun. - Republik Singapura memperkenalkan Program Pembangunan Keupayaan dan Kandungan Digital (DCCD) bernilai S\$48 juta (S\$1 = RM3.16) bagi menyokong penggiat media dalam menghasilkan kandungan digital.

Penguasa Pembangunan Infokom Media (IMDA) berkata inisiatif selama empat tahun itu akan membantu penggiat media

dan syarikat media Republik Singapura bersaing dalam landskap media yang semakin dipacu digital.

"Pada masa sama, penggiat media akan diberi peluang memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) sebagai alat untuk menghasilkan kandungan bagi memastikan mereka kekal mendahului perkembangan semasa," menurut IMDA dalam

satu kenyataan pada Khamis.

IMDA berkata program DCCD bertujuan membantu penggiat media menyesuaikan diri dengan perubahan itu menerusi dua teras utama, iaitu pembangunan kandungan digital dan pembangunan keupayaan.

Syarikat media yang berminat menyertai program itu perlu menjalani latihan pentauliah yang akan menilai keupayaan

semasa mereka dalam pembangunan kandungan serta rekod pencapaian masing-masing.

"Latihan pentauliah itu akan dijalankan dua kali setahun dan syarikat yang mendapat akreditasi layak menyertai Pelawaan Cadangan (CFP)," menurut kenyataan itu.

Menurut IMDA, latihan pentauliah pertama yang dijalankan antara 17 April hingga 18 Mei menyaksikan 117 syarikat menerima pentauliah, manakala CFP pertama dilancarkan pada 18 Jun dan akan berlangsung sehingga 31 Julai 2026.

Inisiatif itu turut melengkapi Talent Accelerator Programme (TAP) IMDA bernilai S\$200 juta yang dilancarkan pada Disember

2025 bagi memperkukuh keupayaan bakat media Republik Singapura.

"IMDA komited untuk menyokong ekosistem media Republik Singapura dalam membangunkan format kandungan digital baharu serta memperkukuh keupayaan digital bagi memastikan industri itu terus inovatif dan berdaya saing.

"Secara kolektif, usaha ini juga membantu mewujudkan peluang untuk berhubung dengan lebih baik dengan khalayak di Republik Singapura menerusi pelbagai platform, selain membolehkan cerita dan format terpilih menembusi pasaran di luar Republik Singapura," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Gempa bumi 6.3 skala Richter di Republik Rakyat China ragut 1 nyawa, 8 cedera

XINING (REPUBLIK RAKYAT CHINA), 17 Jun. - Seorang disahkan maut manakala lapan lagi cedera setakat 11 malam Selasa selepas gempa bumi berukuran 6.3 pada skala Richter melanda Wilayah Autonomi Mongol dan Tibet Haixi di wilayah Qinghai, barat laut Republik Rakyat China, menurut pasukan penyelamat, lapor Xinhua.

Mangsa yang cedera telah dibenarkan pulang selepas menerima rawatan di hospital,

menurut ibu pejabat operasi penyelamat dan bantuan bencana gempa bumi di lokasi kejadian.

Ribuan penduduk, pelajar dan guru sekolah rendah, sekolah menengah serta tadika tempatan telah dipindahkan ke lima pusat penempatan sementara yang dilengkapi dengan keperluan asas.

Kawasan-kawasan pelancongan tempatan turut ditutup, manakala para pelancong dipindahkan ke bandar-bandar berhampiran.

Sehingga kini, bekalan bantuan

daripada kerajaan pusat dan kerajaan tempatan disalurkan ke kawasan terjejas, dengan lebih 1,000 anggota penyelamat serta hampir 200 jentera dikerahkan ke lokasi.

Gempa berlaku pada 5.06 petang Selasa pada kedalaman 10 kilometer dengan pusat gempa terletak pada 37.80 darjah utara dan 95.56 darjah timur, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Rangkaian Gempa Bumi China. - ©BERNAMA

Ecuador isytihar darurat di 10 wilayah dan 3 perbandaran

QUITO (ECUADOR), 17 Jun. - Presiden Ecuador, Daniel Noboa pada Selasa mengisytiharkan darurat selama 60 hari di 10 wilayah dan tiga perbandaran berikutan gangguan keselamatan yang serius akibat peningkatan keganasan jenayah, menurut satu dekri eksekutif yang dipetik Xinhua.

Langkah itu menggantung perlindungan undang-undang berkaitan penggeledahan kediaman dan surat-menyurat di wilayah pesisir Guayas, Manabi, Santa Elena, Los Rios, El Oro dan Esmeraldas.

Perintah itu turut melibatkan Pichincha yang merangkumi ibu negara, Quito, selain Santo Domingo de los Tsachilas, wilayah Amazon utara Sucumbios dan wilayah selatan Azuay.

Tiga perbandaran yang turut disenaraikan dalam dekri itu ialah La Mana, Las Naves dan La Troncal.

Menurut dekri berkenaan, pasukan keselamatan dibenarkan menjalankan penggeledahan segera sekiranya terdapat petunjuk bahawa anggota kumpulan bersenjata terancang atau organisasi jenayah bersembunyi di sesuatu premis.

Langkah itu juga boleh dilaksanakan sekiranya terdapat syak wasangka mengenai kewujudan senjata, peluru, bahan letupan atau bahan terkawal di lokasi berkenaan.

Dekri itu turut membenarkan pihak berkuasa mengenal pasti, menganalisis dan mengumpul maklumat yang dianggap perlu bagi mencegah atau meneutralkan ancaman keselamatan.

Selain itu, pihak berkuasa diberi kuasa untuk merampas sementara barangan dan perkhidmatan haram yang dianggap perlu bagi mengekalkan operasi keselamatan.

Menurut dekri itu, Ecuador merekodkan peningkatan ketara dalam insiden keganasan, serangan bersenjata dan aktiviti jenayah yang dikaitkan dengan kumpulan bersenjata terancang serta organisasi jenayah.

Ia menyatakan bahawa kes pembunuhan, pemerasan, penculikan, rompakan dan pengedaran dadah terus mencetuskan keresahan sosial serta mengganggu aktiviti ekonomi normal, justeru campur tangan angkatan tentera menerusi langkah luar biasa diperlukan bagi membantu mengurangkan kebimbangan rakyat. - ©BERNAMA

Pemimpin G7 bincang pemulihan ekonomi global

EVIAN, 17 Jun. - Pemimpin negara Kumpulan Tujuh (G7) akan membincangkan langkah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi mampan pada Rabu ketika berdepan tekanan yang ditimbulkan oleh perang di Republik Islam Iran terhadap ekonomi global, lapor agensi berita Jerman dpa.

Perkara itu merupakan antara agenda pada hari terakhir sidang kemuncak yang berlangsung di bandar peranginan Evian, Republik Perancis.

G7 dianggotai Republik Persekutuan Jerman, Republik Perancis, Britain, Republik Itali, Jepun, Kanada dan Amerika Syarikat (AS).

Republik Perancis memegang jawatan presiden bergilir kumpulan itu pada tahun ini.

Perbincangan berlangsung dengan latar belakang perjanjian rangka kerja yang bertujuan menamatkan perang di Republik Islam Iran telah dicapai, namun kebimbangan terhadap kesan ekonomi akibat konflik itu masih berterusan.

Para pemimpin dijangka memberi tumpuan kepada langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, mengukuhkan hubungan perdagangan serta memastikan persaingan yang adil dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu.

Dasar tarif agresif Presiden AS,

Donald Trump telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakan G7 Washington dan dijangka menjadi antara topik utama perbincangan.

Selepas sidang kemuncak itu, Presiden Republik Perancis, Emmanuel Macron dijadual menjadi tuan rumah kepada Trump di Istana Versailles berhampiran Paris.

Macron turut akan menganjurkan majlis makan malam sempena ulang tahun ke-250 kemerdekaan AS.

Kedua-dua pemimpin itu sering bertikai lidah sebelum ini, namun Macron berusaha memperbaiki hubungan sepanjang sidang kemuncak di Evian. - ©BERNAMA

Jepun kuat kuasa peraturan dron lebih ketat, luaskan zon larangan terbang

TOKYO, 17 Jun. - Jepun pada Rabu menguatkuasakan undang-undang yang mengetatkan peraturan penggunaan dron dengan meluaskan zon larangan terbang bagi pesawat tanpa pemandu daripada kira-kira 300 meter di sekitar kemudahan penting yang ditetapkan kepada kira-kira 1,000 meter, sebagai sebahagian daripada langkah anti-keganasan, lapor Kyodo News.

Walaupun kawasan khusus yang akan terlibat masih belum didedahkan, banyak kemudahan di

daerah Chiyoda dan Minato di Tokyo dijangka termasuk dalam zon berkenaan, antaranya Istana Maharaja, Pejabat Perdana Menteri dan Kedutaan Amerika Syarikat, dengan sebahagian zon larangan terbang berkemungkinan melangkaui satu kilometer bergantung pada keadaan geografi.

Menerbangkan dron dalam 'zon kuning' atau zon larangan terbang boleh dikenakan hukuman serta-merta sehingga enam bulan penjara atau denda maksimum 500,000 yen (US\$3,120).

Pada masa ini, pihak berkuasa hanya boleh mengambil tindakan serta-merta apabila dron diterbangkan secara langsung di atas kemudahan penting yang ditetapkan, yang dikenali sebagai 'zon merah'.

Di bawah peraturan baharu itu, kemudahan tertentu akan ditetapkan sebagai kawasan larangan untuk tempoh terhad apabila digunakan bagi majlis rasmi dan acara lain yang dihadiri Perdana Menteri, Maharaja atau pemimpin asing.

Menurut laporan yang dikeluarkan Agensi Polis Kebangsaan pada Disember, dron yang mampu terbang pada kelajuan sekitar 50 kilometer sejam ketika undang-undang itu diperkenalkan pada 2016 kini boleh mencapai kelajuan antara 70 hingga 80 kilometer sejam, manakala sesetengah model buatan luar negara mampu mencecah 150 kilometer sejam.

Jarak penghantaran rakaman video oleh dron juga meningkat kepada maksimum 10 kilometer

berbanding hanya antara 200 hingga 300 meter sebelum ini.

Kapasiti muatannya turut meningkat daripada antara 80 gram dan lima kilogram kepada sehingga 30 kilogram.

Bagi mengelakkan penggunaan dron terjejas, kerajaan akan memaparkan kawasan larangan itu dalam peta dalam talian Pihak Berkuasa Maklumat Geospatial Jepun serta bekerjasama dengan pengedar dron untuk meningkatkan kesedaran mengenai peraturan berkenaan. - ©BERNAMA

HIJRAH WALK 4.0 KUKUHKAN SILATURAHIM, SEMARAKKAN MASJID



ANTARA yang turut serta pada Hijrah Walk 4.0 anjuran Belia Masjid Syababul Iman dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkuring.

SENGKURONG, Rabu, 17 Jun. - Seramai 150 peserta awal pagi mengikuti Hijrah Walk 4.0 anjuran Belia Masjid Syababul Iman dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkuring, bersempena dengan Tahun Baharu Hijrah 1448 Hijrah yang bertempat di masjid berkenaan.

Hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Ceramah Ilal Hijrah dan senaman ringan, sebelum walkaton sejauh 5 kilometer diadakan, bermula dari kawasan masjid menuju ke Jalan Maharaja Dinda dan Jalan Besar

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama menyertai Hijrah Walk.

Jerudong-Sengkuring, dan kembali ke Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkuring.

Acara turut dimeriahkan dengan kuiz dan cabutan nama bertuah.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi, selain untuk menggalakkan para peserta menyemarakkan masjid.

Amalkan gaya hidup sihat, eratkan ukhuwah, raih keberkatan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada Walkathon Hijrah 'Minal Masjid Ilal Masjid' (atas dan bawah).

GADONG, Rabu, 17 Jun. - Sempena menyambut Ilal Hijrah 1448, Majlis Perundingan Mukim (MPM) Gadong 'A' dengan kerjasama Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (Masjid RIPAHS), Kampung Rimba dan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik (Masjid PMAM), Kampung Tungku mengadakan Walkathon Hijrah 'Minal Masjid Ilal Masjid'.

Antara tujuan walkaton berkenaan diadakan adalah untuk mengenang kembali hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Yathrib, Kota Madinah di samping

mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan jemaah masjid serta penduduk kampung, mengeratkan ukhuwah dan meraih keberkatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Mohammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Acara pagi berkenaan dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan ceramah hijrah yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Mohammad Shahmie bin Mohammad Sani

bertajuk 'Hijrah Bukan Sekadar Berpindah, Tetapi Berubah'.

Awang Mohammad Shahmie dalam ceramahnya antara lain menjelaskan bahawa apabila seseorang menyatakan hasrat untuk berhijrah, ia bererti individu berkenaan berazam untuk meninggalkan larangan-larangan Allah dan berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik.

Menurutnya, setiap penghijrahan memerlukan persediaan kerana ia tidak terlepas daripada pelbagai ujian dan cabaran. Justeru, umat Islam disaran untuk mencari persekitaran yang baik dan mendekatkan diri dengan majlis-majlis ilmu serta tempat yang menggalakkan pembelajaran dan penghayatan agama.

Awang Mohammad Shahmie seterusnya mengingatkan bahawa hijrah menuntut pengorbanan, khususnya dalam meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau juga menegaskan bahawa setiap penghijrahan hendaklah diniatkan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan bukan atas sebab-sebab lain.

Tambahnya, menjadi insan yang lebih baik bukanlah sesuatu yang mudah kerana setiap perjalanan hijrah merupakan satu proses yang panjang dan penuh dengan pengorbanan. Walau bagaimanapun, umat Islam perlu yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan membebani hamba-Nya melebihi kemampuan mereka. Setiap ujian yang diberikan merupakan bukti bahawa seseorang itu mampu menghadapinya.

Mengakhiri ceramah, Awang Mohammad Shahmie menyeru setiap Muslimin dan Muslimah agar sentiasa menjaga niat dan hati, memperbanyakkan amal ibadah serta mendekatkan diri kepada Al-Quran dalam menempuh perjalanan hijrah.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi pemanasan badan sebelum acara walkaton bermula. Walkaton sejauh 2.9 kilometer berkenaan bermula dari Masjid RIPAHS, Kampung Rimba dan berakhir di Masjid PMAM, Kampung Tungku.

Walkaton berkenaan juga disertai oleh para jemaah daripada kedua-dua buah masjid serta penduduk kampung di bawah Mukim Gadong 'A'.



Kelab Paddle Pals adakan Permainan Sosial Pickleball

Berita dan Foto : Ihsan Mohd. Nasrul Hadi Haji Morni



PARA pemain semasa bergambar ramai.

SENGKURONG, Jumaat, 19 Jun. - Kelab Paddle Pals (Brunei) telah membuat Permainan Sosial Pickleball sempena Sambutan Hari Keluarga berlangsung di Gelanggang Pickleball Courtyard di Selayun, Sengkuring.

Seramai 28 pemain terdiri daripada pemain dari empat daerah hadir bagi sama-sama memeriahkan acara sosial yang cukup meriah dan bersejarah tersebut.

Objektif utama diadakan adalah bagi mengeratkan lagi ukhuwah silaturahmi kekeluargaan antara pemain-pemain Pickleball yang ada di Negara Brunei Darussalam. Acara ini juga dihadiri oleh Pengasas Kelab Paddle Pals (Brunei), Dayang Nurzatul Izuana binti Aini dan Md. Aisamuddin bin Haji Jeffri.

Kelab ini berhasrat akan meneruskan pelbagai aktiviti dan perancangan pada masa hadapan dalam sama-sama menaikkan lagi komuniti permainan Pickleball dan mutu permainan bagi para pemain-pemain khususnya di negara ini.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



2 GOL MANZAMBI BANTU SWITZERLAND TEWASKAN BOSNIA

LOS ANGELES, 19 Jun. - Pemain tengah, Johan Manzambi menjaringkan dua gol pada separuh masa kedua untuk membantu Switzerland menewaskan Bosnia dan Herzegovina 4 - 1 pada Khamis, dalam perlawanan kedua Kumpulan B, Piala Dunia FIFA.

Pada pusingan pertama Kumpulan B, Kanada seri 1 - 1 dengan Bosnia dan Herzegovina, manakala Switzerland seri 1 - 1 dengan Qatar.

Pusingan kedua menyaksikan Switzerland menang 4 - 1 dan Kanada menewaskan Qatar 6 - 0, menjadikan Kanada berada di tangga teratas kumpulan, diikuti oleh Switzerland, Bosnia dan Herzegovina, dan Qatar.

Kebuntuan dalam perlawanan Switzerland menentang Bosnia dan Herzegovina terpecah pada minit ke-74 apabila dua pemain gantian Switzerland bergabung, apabila penyerang berusia 28 tahun, Ruben Vargas, menghantar umpan

lintang untuk pemain tengah berusia 20 tahun, Manzambi, menyepak voli deras dari tengah kotak penalti melepasi penjaga gol Bosnia dan Herzegovina, Nikola Vasilj.

Manzambi, yang bermain untuk kelab Bundesliga Jerman, Freiburg, membantu kelabnya mara ke perlawanan akhir Liga Europa bulan lalu.

Jurulatih Switzerland, Murat Yakin, memuji "kualiti bola sepak" Manzambi dalam sidang akhbar selepas perlawanan, dengan berkata bahawa pemain muda itu mampu bermain di hampir semua posisi.

"Manzambi bukan sahaja mengejutkan lawan, malah kami sendiri pun terkejut dengan kemampuannya," tambah Yakin.

Bosnia dan Herzegovina terpaksa bermain dengan 10 orang pemain pada minit ke-80 apabila pertahanan Tarik Muharemovic tersalah langkah terhadap penyerang Switzerland, Breel Embolo, dan menjatuhkan pemain tersebut tepat di luar

kotak penalti.

Pada minit ke-84, Vargas menemui penjuru kanan bawah gawang dengan sentuhan pertama yang kemas di dalam kotak penalti, memberikan Switzerland pendahuluan 2 - 0.

Manzambi sekali lagi terlibat apabila mencari Embolo, yang kemudian membuat umpanan bola kepada Vargas.

Manzambi menjadikan kedudukan 3 - 0 pada minit ke-90 dengan sentuhan sisi yang kemas daripada bantuan kapten Switzerland, Granit Xhaka.

"Secara jujur, ini luar biasa. Ini pertama kali saya menjaringkan dua gol dalam satu perlawanan sepanjang kerjaya saya," kata Manzambi kepada pemberita selepas perlawanan.

"Dan untuk melakukannya di Piala Dunia, terutamanya selepas permulaan yang kurang memberangsangkan, ini adalah impian zaman kanak-kanak yang menjadi kenyataan," katanya.

Pada minit ke-93, pemain tengah Bosnia dan Herzegovina, Ermin Mahmic, yang baru sahaja masuk sebagai pemain gantian beberapa ketika sebelumnya, menjaringkan gol sagu hati dengan sepakan deras daripada sepakan sudut.

Itu merupakan gol antarabangsa pertamanya.

Namun, Xhaka memeterai kemenangan 4 - 1 melalui sepakan penalti pada minit ke-97.

Switzerland menguasai sebahagian besar permainan, terutamanya pada separuh masa kedua.

Pasukan kendalian Murat Yakin membuat hantaran tepat dan pantas, menyebabkan lawan sentiasa bertahan.

Penyerang Bosnia berusia 40 tahun, Edin Dzeko, yang memulakan perlawanan, menerima kad kuning pada minit ke-61 dan digantikan oleh penyerang berusia 21 tahun, Esmir Bajraktarevic, dua minit kemudian. - ©XINHUA

Hatrik David bantu Kanada catat kemenangan bersejarah Piala Dunia

VANCOUVER, 19 Jun. - Kanada mencatat kemenangan pertama dalam sejarah Piala Dunia di sini pada Khamis, membantai Qatar (9 pemain) 6 - 0 pada pusingan kedua Kumpulan B, dengan Jonathan David menjaringkan hatrik, walaupun tuan rumah bersama itu turut kehilangan Ismael Kone akibat kecederaan.

Selepas enam kekalahan berturut-turut dalam kejohanan ini, tuan rumah bersama menamatkan rekod negatif tersebut dengan keputusan seri 1 - 1 menentang Bosnia dan Herzegovina pada pusingan pembukaan, manakala Qatar turut seri 1 - 1 dengan Switzerland.

Kanada mendominasi sejak awal perlawanan dan memecahkan kebuntuan pada minit ke-16, apabila percubaan David ditampung ke laluan Cyle Larin, yang melepaskan tendangan deras dari jarak dekat untuk gol keduanya dalam dua perlawanan.

Pasukan tuan rumah menggandakan kedudukan pada minit ke-29 apabila

sepakan Tajon Buchanan disekat dan bola jatuh tepat ke arah David, yang melepaskan voli yang sangat cantik.

Situasi Qatar bertambah buruk beberapa minit kemudian apabila Homam Ahmed dilayangkan kad merah kerana melakukan kesalahan ke atas Buchanan, sebelum David melengkapkan hatriknya pada minit-minit akhir separuh masa pertama.

Kanada mengekalkan tekanan selepas rehat, manakala Qatar sukar untuk membina serangan yang bermakna.

Perlawanan dicemari pada minit ke-51 apabila Assim Madibo hilang sabar dan melakukan kesalahan kasar dari belakang terhadap Kone.

Pemain tengah Sassuolo itu kelihatan mengalami kecederaan serius pada kaki dan dikeluarkan selepas menerima rawatan yang panjang, manakala Madibo pula dilayangkan kad merah.

Kanada menambah satu lagi gol pada minit ke-64 menerusi sepakan percuma

yang menakjubkan daripada Nathan Saliba, sebelum sepakan pembersihan Mohamed Manais yang kurang tepat mengakibatkan gol sendiri.

Les Rouges tidak menunjukkan belas kasihan pada masa kecederaan apabila David melengkapkan hatriknya untuk

menutup tirai jaringan.

Dengan empat mata daripada dua perlawanan kumpulan, Kanada akan berhadapan dengan Switzerland seterusnya, yang menewaskan Bosnia dan Herzegovina 4 - 1 lebih awal pada Khamis. - ©XINHUA

Tahukah Awda

HIDROKARBON yang pertama kalinya ditemui secara komersial pada tahun 1929 terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negara. Pada tahun 1984, aktiviti eksplorasi dan pengeluaran minyak dan gas hanya dikeluarkan oleh Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP). Pada tahun 1999, Blok B Joint Venture (BBJV) telah mula menghasilkan hidrokarbon dengan TOTAL EF selaku operator.

SUMBER : Buku Sambutan HK Ke-30, 2014.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ISLAM MENITIKBERATKAN PENGGUNAAN BAHASA YANG BAIK, BAHASA MENCERMINKAN AKHLAK SESEORANG